

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DIDALAM DEWAN (SOALANNO. 6
HINGGA 71)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 5 [RUJUK
PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

6

PE
M
B
E
R
I
T
A
H
U
P
E
R
T
A
N
Y
A
A
N
D
E
M
A
N
B
A
K
Y
A
T
:
M
A
A
Y
S
I
A

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF
KAWASAN RAWA
TARIKH NO. PARIT BUNTAR
SOALAN 14.03.2012(Rabu) 6

DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berapakah jumlah pelaburan asing (RM) dari Taiwan ke Pulau Pinang dari 2008 hingga sekarang serta senaraikan pelabur-pelabur tersebut.

Cadangan jawapan:

Secara keseluruhannya, pelaburan daripada negara Taiwan ke dalam negara bagi projek-projek pengilangan yang telah diluluskan dari tahun 2008-2011 adalah berjumlah RM4,278.1 juta.

Pelaburan daripada negara Taiwan ke Pulau Pinang bagi projek-projek pengilangan yang telah diluluskan dari tahun 2008-2011 pula adalah sebanyak RM1,106.7 juta.

Di antara sektor-sektor utama yang diluluskan bagi pelaburan dari Taiwan ke Pulau Pinang ialah “electronics & electrical products” sebanyak RM451.1 juta, “chemical & chemical products” sebanyak RM400.5 juta, “scientific & measuring equipment” sebanyak RM117.8 juta “transport equipment” sebanyak RM43.0 juta dan “rubber products” sebanyak RM42.7 juta.

Syarikat -syarikat dari negara Taiwan yang telah diluluskan & beroperasi di Pulau Pinang dari tahun 2008-2011 adalah seperti berikut:

N O	NAMA SYARIKAT	INDUSTRI
1	Daxon Technology Sdn. Bhd.	Electronics & Electrical Products
2	ASE Electronics (M) Sdn. Bhd.	Electronics & Electrical Products
3	Kens FineMedTech Sdn. Bhd.	Scientific & Measuring Equipment
4	Visco Technology Sdn. Bhd.	Scientific & Measuring Equipment
5	Ya Horng Electronics (M) Sdn. Bhd.	Transport Equipment
6	Hoom Xiang Industries Sdn.	Food Manufacturing
7	Daxon Technology Sdn. Bhd.	Rubber Products
8	Ya Horng Electronic (M) Sdn. Bhd.	Electronics & Electrical Products
9	Shang Bor Plastics (M) Sdn. Bhd.	Scientific & Measuring Equipment
10	Pen Equipment Industrial (M) S.B.	Electronics & Electrical Products
11	Kens FineMedTech Sdn. Bhd.	Scientific & Measuring Equipment
12	QL Tech Malaysia Sdn. Bhd.	Electronics & Electrical Products
13	Value Teamtrade Sdn. Bhd.	Scientific & Measuring Equipment

14	Tai Ohm Electronics (M) Sdn. Bhd.	Electronics & Electrical Products
15	Ting Sheng Jewellery Marketing Sdn. Bhd.	Miscellaneous
16	MainteQ Sdn. Bhd.	Electronics & Electrical Products
17	Akoma Cable And Metal Sdn. Bhd.	Electronics & Electrical Products
18	Kingston Technology F.E. (M) Sdn. Bhd.	Electronics & Electrical Products
19	Unifriend Sdn. Bhd.	Textiles & Textile Products
20	MainteQ Sdn.Bhd.	Electronics & Electrical Products
21	CFL Marketing Sdn. Bhd.	Paper,Printing & Publishing

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI

TARIKH

14 MAC 2012 (RABU)

SOALAN

**Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta MENTERI
NO. 7
PENGAJIAN TINGGI menyatakan jumlah pelajar Institusi
Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta yang didapati menjual
dan melelong baucar buku 1 Malaysia (BB1M) dan menyatakan
tindakan yang telah diambil kepada pelajar terbabit.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

**Sehingga kini hanya terdapat dua kes penjualan Baucer Buku 1
Malaysia atau BB1M yang dilaporkan secara rasmi kepada
Kementerian Pengajian Tinggi. Kes pertama melibatkan seorang
pelajar Universiti Malaya (UM) yang mengiklankan BB1M di laman
web mudah.com. Bagi kes ini, pihak pengurusan UM telah
menjalankan siasatan dan pelajar tersebut telah dikeluarkan surat
amaran. Pelajar tersebut kemudiannya telah menarik balik iklan
penjualan BB1M yang masih belum terjual.**

**Kes kedua pula berlaku di Universiti Utara Malaysia (UUM) yang
melibatkan seramai 113 orang pelajar menunaikan BB1M
menerusi**

sepasang suami isteri. Semua pelajar terbabit telah diberi amaran oleh pihak pengurusan UUM, manakala tindakan pasangan suami isteri tersebut telah menjadi kes Polis.

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA

NO SOALAN --38(f)

DARIPADA

Y.B. TUAN HIEW KING CHEAU (KOTA KINABALU)
LISAN

PERTANYAAN

14.03.2012

TARIKH

Y.B. TUAN HIEW KING CHEAU [KOTA KINABALU] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan mengapa projek-projek perumahan Kerajaan di bawah SPNB di Sabah lewat atau diarahkan berhenti kerja, dan meminta untuk memberikan tarikh siap sebenar setiap projek perumahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini SPNB telah menyiapkan lima (5) projek perumahan di Sabah yang merangkumi 1,998 unit rumah.

Pada masa ini tiada projek yang dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) di Sabah yang berstatus terbengkalai sepenuhnya atau pun telah diarahkan berhenti kerja. Namun begitu, memang terdapat sepuluh (10) projek yang masih di dalam pembinaan dan mengalami kelewatan yang ketara. Kelewatan ini adalah disebabkan oleh kekangan kewangan kerana kadar kutipan penjualan rumah tidak mencukupi untuk menampung pembiayaan pembinaan dan bayaran kepada pembekal dan kontraktor. Pada masa yang sama, kenaikan kos binaan yang agaktinggi dalam tahun 2007-2008 telah juga menambah kepada masalah kekangan kewangan tersebut. Selain itu, terdapat juga beberapa projek baru yang akan dibangunkan semula mengikut kaedah baru dan menggunakan teknologi yang baru sebagai usaha penjimatan

kos dan peningkatan kualiti untuk menjamin projek ini mudah disiapkan. SPNB juga telah mengambil tindakan bagi menyiapkan 10 projek yang mengalami kelewatan ini dan tarikh projek-projek ini dijangka siap secara berperingkat-peringkat bermula Julai 2012. Dalam Tahun 2012, sebanyak 2,182 unit rumah dijangka siap dan dalam tahun 2013 sebanyak 3,704 unit rumah dijangka siap.

NO. SOALAN : 9

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TUAN LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]**

TARIKH

RUJUKAN 4446

SOALAN:

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bagaimana wanita warga asing boleh keluar masuk Malaysia dengan kerap menggunakan visa pelancong bagi melakukan aktiviti tidak bermoral. Apakah tindakan tatatertib terhadap pegawai-pegawai imigresen yang gagal menjalankan tugas dengan sempurna.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sim pang Renggam yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, warga asing dibenarkan untuk memasuki negara ini sekiranya mempunyai dokumen perjalanan yang sah. Kerajaan Malaysia tidak bersikap prejudis terhadap mana-mana pelawat asing yang ingin memasuki negara ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memantau dan memandang serius akan kehadiran warga asing ke negara ini dengan memberi keutamaan kepada aspek keselamatan dan ancaman-ancaman yang mungkin dibawa oleh golongan ini. Oleh demikian, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mempunyai beberapa mekanisme bagi memantau kemasukan warganegara asing ke negara ini seperti berikut:

- a) pelaksanaan proses tapisan awal melalui pengeluaran visa di kedutaan atau pejabat perwakilan Malaysia di luar negara, di mana tapisan akan dibuat untuk mengenal pasti sama ada warga asing berkenaan telah dimasukkan dalam senarai syak Jabatan. Sekiranya nama mereka tersenarai dalam senarai syak atau dikenalpasti pernah terlibat dalam aktiviti-aktiviti tidak bermoral di negara ini seperti kegiatan pelacuran, sindiket pengedaran dadah, pemalsuan dokumen, pemerdagangan orang, atau aktiviti

jenayah lain, visa untuk datang ke Malaysia tidak akan dikeluarkan kepada warga asing tersebut;

- b) kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk negara yang meliputi pemeriksaan dokumen perjalanan, latar belakang pengembara dan penyemakan identiti dengan pangkalan data senarai syak Jabatan melalui Sistem Pangkalan Data (Biometrik) Warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional (NERS);
- c) memastikan bahawa pelawat-pelawat asing mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka di samping menasihatkan agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang berada di negara ini;
- d) mengadakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu antara Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) secara berterusan;
- e) bekerjasama dengan pihak negara lain seperti Australia dan United Kingdom yang menempatkan *liaison officer* bagi memantau pelawat-pelawat berisiko tinggi di pintu-pintu masuk udara. Kerajaan turut melaksanakan kerjasama antara agensi antarabangsa dalam memerangi jenayah rentas sempadan dan aktiviti pemerdagangan manusia.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi pegawai-pegawai Jabatan Imigresen Malaysia yang didapati

gagal menjalankan tugas mengikut prosedur yang ditetapkan, atau terlibat dengan aktiviti salah guna kuasa, rasuah dan penyelewengan, Jabatan akan mengambil tindakan tatatertib berdasarkan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Jawatankuasa Siasatan akan ditubuhkan bagi menjalankan siasatan terperinci dan sekiranya terbukti pegawai melakukan kesalahan, Lembaga Tatatertib Jabatan akan menjatuhkan hukuman yang setimpal sama ada dikenakan amaran, denda, lucut hak emolumen, tangguh pergerakan gaji, turun gaji, turun pangkat atau buang kerja.

SOALAN : 10

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA
BELAS TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

LISAN PERTANYAAN

DARIPADA

**YB DATO'
IBRAHIM BIN ALI (PASIR MAS)**

TARIKH 14 MAC 2012

SOALAN

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah MARA telah mendapat kelulusan untuk pembinaan Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) di atas tapak yang sebelum ini dikenal pasti untuk tapak MRSM di dalam kawasan Parlimen Pasir Mas. Oleh sebab cadangan ini ditolak di bawah first rolling Plan RMK-10, apakah ia telah diluluskan oleh Unit Perancangan Ekonomi di bawah *Second Rolling Plan* RMK-10 dan berapakah anggaran kos dan bilakah jangkaan ianya dilaksanakan.

Jawapan :

Tuan Yang di-Pertua,

MARA amat berterima kasih dan menghargai keprihatinan Ahli Yang Berhormat terhadap sistem pendidikan pelajar-pelajar negeri Kelantan. Adalah menjadi kewajipan MARA sebagai pemegang amanah Bumiputera untuk mengangkat martabat bangsa melalui bidang pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat tiga Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) sedia ada di negeri Kelantan iaitu di Kota Bharu, Pengkalan Chepa dan Gua Musang. Kursus-kursus yang ditawarkan adalah kejururawatan, perakaunan, pengurusan perniagaan dan ICT. Penubuhan institusi pendidikan MARA yang baru bergantung kepada keperluan semasa. Berdasarkan kepada pembentangan bajet yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 7 Oktober 2011 yang lalu, kerajaan memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek bersambung dan juga projek yang termasuk di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) sahaja. MARA telah mengemukakan permohonan cadangan projek ini untuk dilaksanakan dalam *Second Rolling Plan RMKe-10* kepada Unit Perancang Ekonomi tetapi masih tidak diluluskan. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat keperluan di masa akan datang, cadangan projek ini akan dipohon dalam *Third Rolling Plan RMKe-10* kelak.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATO' NORAIN I BINTI AHMAD (PARIT SULONG)
TARIKH	14.03.2012

SOALAN:

Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah pekeliling atau surat arahan akan dikeluarkan dan apakah mekanisme yang akan digunakan oleh Kementerian bagi memastikan pengusaha kantin sekolah mematuhi larangan penjualan 15 makanan proses di kantin-kantin sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengedarkan Panduan Pengurusan Kantin Sekolah Sihat ke semua sekolah melalui Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) masing-masing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Senarai makanan dan minuman yang dilarang dijual di kantin sekolah adalah:

- i) Makanan dan minuman yang melanggar Peraturan-peraturan Makanan 1985;
- ii) Gula-gula dan coklat;
- iii) Jenis makanan yang dijeruk;
- iv) Makanan ringan yang mengandungi bahan perisa dan pewarna tiruan kecuali susu berperisa; dan
- v) Makanan dan minuman yang beralkohol.

Semua Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan pihak pentadbir sekolah telah diberi taklimat dan penegasan supaya mematuhi panduan tersebut. Pematuhan terhadap garis panduan ini akan dipantau melalui JPN masing-masing.

Dalam pengurusan kantin sihat, KPM memberi penekanan kepada gaya makan dan hidup yang sihat. Oleh itu dalam buku panduan tersebut ada menyatakan tentang bilangan kalori yang diperlukan oleh murid bagi setiap kali makan mengikut umur. Tersenarai juga jumlah kalori yang dibakar untuk aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh murid. Di samping itu, KPM juga memberi penekanan dalam pendidikan tentang hidup sihat supaya dijadikan amalan murid, bukan hanya di sekolah tetapi amalan hidup sihat sebagai amalan harian.

NO. PERTANYAAN : 12

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH

LISAN
DATO' JOHARI BIN ABDUL
14.03.2012 (RABU)

DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah formula yang diamalkan oleh Kerajaan dalam membenarkan *hypermarket* beroperasi di satu-satu tempat agar kedai-kedai kecil dan peruncit-peruncit tidak mati dan gulung tikar akibat kehadiran *hypermrket* yang begitu banyak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan mengawalselia pertumbuhan pengusaha-pengusaha *hypermarket* asing di Malaysia dengan mewujudkan Garis Panduan Penyertaan Asing Dalam Sektor Perdagangan Pengedaran Di Malaysia (Pindaan) 2010 (Garis Panduan). Salah satu objektif utama Garis Panduan tersebut ialah untuk memastikan pembangunan sektor perdagangan pengedaran yang adil dan saksama disamping memastikan pembangunan pengusaha tempatan. Dalam hal ini, semua cadangan dan permohonan untuk pembangunan *hypermarket* asing wajib mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Perdagangan

Pengedaran (JKPP) yang diurus setiakan oleh Kementerian ini di mana Ahli-Ahli JKPP terdiri daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani, Unit Perancang Ekonomi dan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan.

Dalam menilai setiap permohonan untuk pembangunan *hypermarket* asing, beberapa syarat dan kriteria berdasarkan Garis Panduan akan digunapakai antaranya:

- i. Memenuhi 30% ekuiti Bumiputera oleh pemohon;
- ii. Memenuhi jumlah modal berbayar sebanyak RM 50 juta;
- iii. Keluasan lantai niaga ditetapkan 5,000 meter persegi dan ke atas;
- iv. *Hypermarket* asing dibenarkan dalam bentuk *stand alone basis*;
- v. Tidak dibenarkan beroperasi dalam jarak 3.5 km dari kawasan perumahan dan pusat bandar; dan
- vi. Satu *hypermarket* asing bagi setiap 250,000 orang penduduk.

Selain syarat dan kriteria di atas, pandangan daripada penduduk dan peruncit-peruncit tempatan di sekitar tapak cadangan akan turut digunapakai dalam membuat penilaian permohonan agar kehadiran *hypermarket* asing di sesuatu kawasan tidak memberi kesan negatif kepada mereka.

Untuk makluman Garis Panduan ini tidak tertakluk kepada penausaha-penausaha *hypermarket* tempatan.

Berdasarkan perbandingan di antara Band Perdagangan Edaran 2001 dan Banci Perdagangan Edaran 2008 yang telah dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan kedai-kedai runcit bertambah sebanyak 8.86% iaitu daripada 44,990 kepada 48,976 buah kedai runcit. Ini menunjukkan bahawa kehadiran *hypermarket* tidak memberi kesan yang begitu drastik kepada kedai runcit tempatan. Kedai runcit tempatan masih lagi mampu berkembang dan bersaing serta mempunyai peranannya

yang tersendiri dalam memenuhi kehendak pelanggan. Peningkatan ini walaupun agak perlahan, namun membuktikan bahawa kedai runcit tempatan masih lagi mendapat permintaan dari pelanggan dan masih relevan.

Antara langkah Kementerian bagi membantu peruncit dan peniaga kecil ialah melalui projek di bawah *National Key Economic Areas* (NKEA) menerusi projek Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) bersama *hypermarket* asing dan tempatan bermula pada 18 Januari 2011. Program ini bertujuan untuk memodenkan kedai runcit tradisional bagi meningkatkan tahap daya saing serta pendapatan peruncit dan peniaga kecil. Sehingga 31 Disember 2011 sebanyak 519 kedai runcit tempatan sediada telah berjaya ditransformasikan.

Melalui statistik dan usaha NKEA, dapat dilihat bahawa Kerajaan tidak mengabaikan pembangunan peniaga-peniaga kecil tempatan dan nasib mereka sentiasa dilindungi.

SOALAN NO :13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATO' LILAH BIN YASIN [JEMPOL]
TARIKH 14 MAC 2012
SOALAN**

**Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta MENTERI KESIHATAN
menyatakan**

- a) berapakah bilangan Klinik 1 Malaysia yang sudah beroperasi di seluruh negara dan apakah kejayaannya; dan**
- b) bilakah Klinik 1 Malaysia akan mula beroperasi di Jempol.**

Tuan Yang di-Pertua

Sehingga Februari 2012, sebanyak 99 buah Klinik 1 Malaysia (K1M) sedang beroperasi di seluruh Negara. Klinik 1 Malaysia telah mendapat sambutan yang baik di kalangan masyarakat bandar kerana kemampuan klinik berkenaan menyediakan perkhidmatan rawatan yang ringan dan mudah diperolehi. Ia juga disifatkan sebagai langkah wajar Kerajaan memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada semua golongan masyarakat di mana sehingga Februari 2012, sejumlah 3,703,470 kedatangan kumulatif ke Klinik 1 Malaysia dicatatkan di seluruh negara semenjak awal penubuhan

K1M iaitu pada Januari 2010. Purata kedatangan adalah di antara 50 orang hingga 150 orang pesakit sehari di setiap klinik. Dari jumlah ini, kedatangan pada 2010 adalah seramai 1,327,580 orang pesakit dan kedatangan pada tahun 2011 adalah seramai 1,986,535 orang pesakit.

Melihat kepada jumlah kedatangan pesakit ini, ia menunjukkan sambutan dan penerimaan rakyat yang cukup menggalakkan. Klinik 1 Malaysia diwujudkan bagi tujuan memudahkan masyarakat mendapat akses perkhidmatan kesihatan di kawasan bandar yang mempunyai kepadatan penduduk di kalangan mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah. Pelaksanaan Klinik 1 Malaysia dalam tempoh yang singkat menunjukkan kesungguhan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk merealisasikan gagasan 1 Malaysia Y.A.B. Perdana Menteri 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Tuan Yang Di-Pertua

Mengenai soalan bilakah Klinik 1 Malaysia akan mula beroperasi di Jempol, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan sudah mengenai pasti lokasi Klinik 1 Malaysia di Daerah Jempol dan kini dalam proses permohonan kelulusan penyewaan dan proses sebut harga akan dilakukan sebelum kerja-kerja ubahsuai dapat dijalankan. Jika tiada halangan, Klinik 1 Malaysia ini dijangka dapat beroperasi mulai bulan Jun.

SOALAN NO: 14**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **TUAN GWO-BURNE LOH 14 MAC 2012**
TARIKH

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk memelihara hak-hak pekerja asing memandangkan mereka merupakan aset penting bagi mencapai Wawasan 2020.

PR-1251-L48695

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut peruntukan Akta Kerja 1955 (265) dan Akta Kesatuan Sekerja 1959 (Akta 262), tiada membezakan antara pekerja tempatan dengan pekerja asing berkaitan terma-terma dan syarat- syarat perkhidmatan.

2. Bagi memastikan hak-hak pekerja terpelihara, Kerajaan melalui agensi-agensinya melaksanakan langkah-langkah berikut:

a. Penguatkuasaan Akta Kerja 1955 (Akta 265)

Akta ini dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Pekerja-pekerja asing diberi hak yang sama dengan pekerja tempatan dari segi pemberian upah, cuti rehat, cuti umum, cuti tahunan, bayaran kerja lebihmasa, bayaran kerja syif dan bayaran kerja pada waktu cuti rehat. Pekerja-pekerja asing juga boleh menuntut remedi terhadap penganiayaan oleh majikan melalui proses di Mahkamah Buruh. Akta ini juga mewajibkan setiap majikan melaporkan penggajian pekerja asing mereka dalam tempoh 14 hari kepada JTK.

b. Pemeriksaan Berkanun Ke Tempat Pekerjaan Kementerian melalui JTK membuat lawatan berjadual ke tempat-tempat pekerjaan bagi membuat pemeriksaan audit dan juga pemeriksaan pembangunan bagi memastikan majikan mematuhi semua peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kementerian. Bilangan pemeriksaan audit bagi tahun 2011 adalah sebanyak 45,888 majikan manakala pemeriksaan pembangunan pula adalah sebanyak 5,424 majikan

c. Skim Pampasan Pekerja Asing (SPPA)

Setiap majikan wajib menginsurankan pekerja asing mereka yang bekerja secara sah di negara ini. Pekerja asing yang ditimpa kemalangan akan menerima pampasan hilang upaya akibat

kemalangan dan juga tanggungannya jika pekerja ditimpa kemalangan maut melalui Skim Pampasan Pekerja Asing (SPPA) di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952.

d. Mengadakan Seminar Pembantu Rumah Asing

Bagi menambah pengetahuan majikan dan pembantu rumah mereka berhubung undang-undang dan budaya di negara ini serta menggalakkan hubungan baik antara mereka, Seminar Pembantu Rumah Asing bagi majikan dan pembantu rumahnya dilaksanakan dari masa ke semasa. Bagi tahun 2011 sebanyak 60 seminar melibatkan 1,448 peserta telah menyertai seminar ini.

3. Kementerian pada dasarnya tidak menyekat atau menghalang mana-mana individu untuk menyertai kesatuan sekerja. Dalam erti kata lain kementerian masih melindungi dan memelihara hak pekerja asing sama seperti pekerja tempatan. Sehingga kini terdapat seramai

11, 127 pekerja asing menjadi ahli kesatuan sekerja dan menikmati faedah-faedah dibawah Perjanjian Kolektif (*Collective Agreement*) setaraf dengan pekerja tempatan. Seramai 11,127 pekerja asing ini diwakili oleh 4 kesatuan kebangsaan dan 1 kesatuan dalaman (*in-house union*).

4. Jika pekerja asing ingin menjadi atau bertindak sebagai anggota eksekutif sesebuah kesatuan sekerja dengan tujuan

mewakili pekerja-pekerja atau kepentingan pekerja-pekerja yang bukan penduduk Malaysia, mereka perlu mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada Menteri Sumber Manusia.

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN

DATUK NUR JAZLAN BIN

MOHAMED [PULAI]

TARIKH

14.03.2012 (RABU)

DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED (PULAI) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan jumlah subsidi sebenar yang diberikan kepada pengimport gula berlesen di dalam negara dan juga jelaskan sama ada pengguna industri mendapat lebih manfaat dari pengguna biasa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pemberian subsidi bertujuan untuk mengekalkan harga runcit gula disebabkan kenaikan harga gula mentah di pasaran dunia. Untuk makluman Dewan, mulai 1 Januari 2011, pihak industri yang menggunakan gula sebagai bahan asas produk keluaran mereka melebihi 500 metrik tan sebulan tidak dibenarkan membeli gula bersubsidi. Sebagai pilihan, industri dibenarkan memohon AP/permit mengimport gula dari luar negara pada harga pasaran. Semenjak dasar AP gula bertapis dibenarkan oleh Kerajaan, sehingga kini hanya terdapat 6 syarikat yang memohon kelulusan untuk mengimport gula bertapis pada harga semasa.

Tuan Yang Dipertua,

Jemaah Menteri dalam membuat keputusannya telah mengambil maklum bahawa dasar pengeluaran AP gula bertapis kepada pengguna industri pada masa ini tidak menjejaskan pengilang-pengilang gula tempatan. Sebaliknya penarikan balik pemberian subsidi gula kepada industri berskala besar dapat mengurangkan tanggungan bebanan kewangan Kerajaan. Langkah ini adalah wajar bagi memastikan peruntukan yang disediakan mencukupi untuk menampung subsidi gula kepada pengguna isirumah. Dengan pelaksanaan dasar tersebut pada tahun 2011, ia memberi penjimatan kewangan kepada Kerajaan sebanyak RM128 juta setahun. Sekiranya dasar pengimportan gula bertapis kepada pengguna industri tidak dibuat, ia akan memberi kesan langsung kepada peningkatan kos bahan makanan dan minuman yang menggunakan gula sebagai input utama seterusnya akan meningkatkan harga produk akhir kepada pengguna. Ini kerana industri tidak mempunyai pilihan untuk mengimport gula pada harga yang lebih rendah.

PEMB ERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD
TARIKH	TAIB 14 MAC 2012 (RABU)
SOALAN	NO. 16

Dato' Taib Azamudden Bin Md Taib [Baling] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan sejauh manakah impak pemberian Baucar Buku 1 Malaysia terhadap mengurangkan beban semasa mahasiswa.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian Baucer Buku 1 Malaysia (BB1M) telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia semasa Pembentangan Belanjawan 2012 pada 7 Oktober 2011 di Dewan Rakyat. BB1M disediakan kepada pelajar untuk pembelian buku- buku akademik, jurnal, majalah ilmiah dan peralatan pembelajaran berdasarkan keperluan IPT masing-masing. Objektif pemberian BB1M adalah untuk meringankan beban perbelanjaan pembelian buku pengajian dan memupuk minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.

Berdasarkan maklumbalas awal yang diterima daripada para pelajar dan ibu bapa, pemberian BB1M ini banyak membantu mengurangkan beban kewangan pelajar bagi mendapatkan buku-buku rujukan untuk

pembelajaran di samping menjaga kebajikan pelajar agar lebih fokus kepada pelajaran. Justeru, secara keseluruhannya pemberian BB1M ini memberikan impak yang positif kepada pelajar melalui pengurangan beban perbelanjaan pembelian buku pengajian dan pemupukan minat membaca di kalangan pelajar.

SOALAN NO: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA DATUK RAIME UNGGI [TENOM]

TARIKH 14 MAC 2012

SOALAN

Datuk Raime Unggi [Tenom] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah perolehan iklan mengikut tahun bagi BERNAMA TV sejak pengoperasian saluran berita televisyen 24 jam itu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

BERNAMA TV Synergy Sdn Bhd (BRTV) ditubuhkan pada 15 Februari 2008 untuk mengendalikan operasi berita BERNAMA TV yang mula ke udara pada 28 Februari 2008. Syarikat BRTV adalah merupakan syarikat

usahasam di antara BERNAMA yang memegang 33% saham dan gabungan tiga syarikat dari Silver Ridge Sdn Bhd yang memegang 67% saham.

SOALAN NO: 17

Sejak mula beroperasi, Syarikat Silver Ridge Sdn Bhd telah menguruskan operasi BERNAMA TV. Berdasarkan laporan kewangan yang telah diaudit, jumlah pendapatan syarikat dalam tempoh 3 tahun beroperasi adalah seperti berikut:

TAHUN	PENDAPATAN
2008	RM2.98juta
2009	RM4.38juta
2010	RM6.17juta
JUMLAH	RM13.53juta

Manakala untuk tahun kewangan 2011, laporan kewangan masih lagi sedang diaudit.

BERNAMA telah mengambil alih pengurusan BERNAMA TV pada 1 November 2011 apabila gabungan syarikat Silver Ridge Sdn Bhd yang memegang 67% saham telah menjual kesemua saham tersebut kepada BERNAMA dengan harga RM1. Syarikat BERNAMA TV Synergy Sdn Bhd

kini adalah anak syarikat milik BERNAMA 100%.

Soalan No : 18

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
 (SELAYANG)

TARIKH 14.03.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab kejatuhan dalam bilangan pelajar aliran Sains dan langkah-langkah untuk membetulkan masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di- Pertua,

Jawatankuasa Mengkaji Dasar 60:40 Aliran Sains/Teknikal:Sastera Peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah digerakkan untuk mengkaji secara menyeluruh kurikulum dalam bidang akademik, teknikal dan vokasional serta mencadangkan tindakan yang diambil bagi memastikan dasar 60:40 aliran Sains dan TeknikakSastera di peringkat menengah atas mencapai sasaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peratus murid Sains dan Teknikal pada tahun 2011 di sekolah kerajaan ialah 44.01 peratus. Bagi sekolah-sekolah Berasrama Penuh (SBP) masalah penurunan bilangan pelajar aliran Sains tidak timbul kerana semua SBP menawarkan aliran Sains Tulen, Sains Agama dan Sains Teknikal. Bagi mengatasi kadar penyertaan murid dalam bidang Sains ini, KPM telah melaksanakan langkah-langkah berkaitan, antaranya:

- i. Mempertingkatkan bimbingan kerjaya dalam bidang sains kepada murid;
- ii. Mengadakan lebih banyak program galakan sains di peringkat sekolah;

- iii. Mengadakan Program Pusat Pembelajaran Sains dengan memberi peluang kepada murid yang mendapat gred C dalam Sains dan Matematik untuk mengikuti aliran Sains; dan
- iv. Mewujudkan kerjasama dengan Akademi Sains Malaysia untuk meningkatkan minat murid terhadap Sains melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran secara *la main a la pate, (hands-on)*

Rjm 08

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**YB. IR HAMIM BIN SAMURI
[LEDANG]**

**TARIKH JAWAPAN :
DI DEWAN RAKYAT**

14 MAC 2012 (RABU)

SOALAN

NO. 19

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

menyatakan status pelaksanaan mekanisme yang telah dilaksanakan bermula daripada 1 Disember 2011 selaras dengan penguatkuasaan

Akta Tenaga Boleh Baharu 2012.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) merupakan mekanisme yang telah dikenal pasti untuk membangunkan Tenaga Boleh Baharu (TBB) dalam negara di bawah Dasar dan Pelan Tindakan TBB yang telah diluluskan Jemaah Menteri pada bulan April 2010. Ia telah dilaksanakan mulai 1 Disember 2011 selaras dengan penguatkuasaan Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725] oleh *Sustainable Energy Development Authority* (SEDA) Malaysia, dengan izin.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pengurusan permohonan FiT telah dilaksanakan secara sistem *online* yang dikenali sebagai Sistem e-FiT. Sehingga 29 Februari 2012, sejumlah 743 permohonan dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak 548.86 MW telah diterima oleh SEDA Malaysia. Sejumlah 377 permohonan dengan kapasiti 311.56 MW telah diluluskan. Daripada kapasiti yang diluluskan tersebut, sejumlah 140.03 MW adalah daripada sumber *solar photovoltaic* (PV), dengan izin, 91.8 MW daripada biomas diikuti 65.25 MW dari hidrokuasa kecil dan 14.48 MW daripada biogas.

Selain itu, sebanyak 87 permohonan dengan kapasiti 162.88 MW telah ditolak dan baki sebanyak 279 permohonan dengan jumlah kapasiti sebanyak 74.42 MW masih dalam peringkat pengesahan oleh SEDA Malaysia. Proses pengesahan yang dimaksudkan adalah termasuk meneliti dokumen-dokumen yang telah dikemukakan. Sekiranya dokumen tersebut didapati tidak lengkap, SEDA Malaysia di bawah Seksyen 6(1), Akta 725 boleh meminta pemohon yang layak untuk memberikan maklumat atau dokumen tambahan.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan jumlah kapasiti 311.56 MW yang telah diluluskan itu, kadar pembebasan gas karbon dioksida dijangka dapat dikurangkan iaitu sebanyak 1,996,930 *tonne* CO₂ secara kumulatif menjelang akhir setengah tahun 2014. Sepanjang tempoh tersebut, adalah dianggarkan sebanyak 7,595 peluang pekerjaan dapat diwujudkan.

Daripada statistik yang dinyatakan, didapati permintaan bagi kuota untuk solar PV telah menerima sambutan yang paling tinggi. Banyak pihak telah meminta agar SEDA Malaysia mempertimbangkan pembukaan

kuota baru bagi Solar PV untuk tiga (3) tahun akan datang. Siasatan awal menunjukkan bahawa ini mungkin disebabkan oleh kekurangan kesedaran terhadap mekanisme FiT di kalangan pengilang minyak sawit dan pemilik ladang sawit. Oleh itu, Kementerian ini melalui SEDA Malaysia akan mempertingkatkan program kesedaran bagi membolehkan pihak yang berkaitan mendapat maklumat mengenai peluang penjanaan elektrik daripada sumber-sumber biomas dan biogas di bawah Mekanisme FiT.

■ ieieie-k'k'kieieicie'kic'kie'k'k'ierkieieie-k^e'kie'k-kie'kieicie-kieiff-k-kic'kieiff-k'k-kie'krkieieieic'icicie'k'k'kie'kieieieieickie'kieierkieiak

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Y.B. DR. TAN SENG GIAW (KEPONG)

DARIPADA LISAN

14.03.2012

PERTANYAAN

TARIKH

**Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] minta MENTERI
KEWANGAN**

menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi faktor-faktor ekonomi termasuk keadaan ekonomi di Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah dan apakah kadar pertumbuhan ekonomi yang dianggarkan untuk negara ini.

DRAF JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Izinkan saya menjawab soalan YB. Dr. Tan Seng Giaw bersama-sama dengan soalan YB. Dato' Seri Ong Ka Chuan, YB. Tuan Teng Boon Soon dan YB. Dato' Wira Ahmad bin Haji Hamzah yang dijadualkan dijawab pada 14 dan 26 Mac serta 2 dan 4 April 2012 kerana menyentuh mengenai perkara dan isu yang sama.
2. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, keadaan persekitaran luar yang tidak menentu termasuk kelembapan pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat (AS) dan krisis hutang kerajaan di Eropah yang berlarutan boleh memberi kesan kepada negara melalui impak pasaran kewangan dan aliran perdagangan. Namun demikian, kesan ini dijangka memberi impak yang tidak

ketara kepada negara kita memandangkan struktur pasaran luar negara yang kini lebih pelbagai serta disokong oleh kekuatan daya tahan dalaman dan asas-asas ekonomi yang mampan. Di samping itu, perancangan Kerajaan untuk memastikan ekonomi berkembang kukuh terutamanya melalui pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) serta program-program lain termasuk Program Transformasi Luar Bandar (RTP) dan Program Transformasi Digital (Digital Malaysia) akan mencergaskan lagi aktiviti ekonomi dalam negara.

3. Prestasi ekonomi negara dianggar terus berkembang pada tahun ini meskipun berhadapan dengan ketidakpastian persekitaran luar yang masih mencabar. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2011, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sudah mencatat pertumbuhan 5.1% disokong terutamanya oleh penggunaan domestik. Perbelanjaan penggunaan domestik mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 8.9% pada tahun 2011 berikutan peningkatan pendapatan hasil daripada harga komoditi yang kekal tinggi dan prospek pekerjaan yang stabil.

4. Sementara itu, keyakinan pelabur yang memberangsangkan ditunjukkan oleh pelaburan langsung asing pada tahun 2011 yang meningkat 12.3% kepada RM32.9 bilion di tengah-tengah kelembapan ekonomi Eropah. Pelaburan swasta tersebut terus cergas dirangsang oleh peluang perniagaan daripada pelaksanaan projek ETP dan GTP serta pelaksanaan beberapa inisiatif utama Kerajaan dalam menarik pelaburan.

5. Usaha-usaha untuk menarik pelaburan ini akan meningkatkan potensi pertumbuhan ekonomi negara dan mengurangkan kesan daripada ketidakpastian sektor luar. Selain daripada itu, prestasi ekonomi rantau Asia dijangka kekal kukuh. Perkembangan ini menyokong pertumbuhan perdagangan intraserantau, seterusnya akan mengimbangi kesan kelembapan AS dan Eropah. Di samping itu, Kerajaan akan memastikan ekonomi negara terus kukuh dengan melaksanakan langkah-langkah bagi mengurangkan beban rakyat dan merencanakan aktiviti penggunaan

domestik.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Berdasarkan semakan terkini Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), pertumbuhan ekonomi dunia dijangka berkembang 3.3% dan perdagangan dunia meningkat 3.8% pada tahun 2012. Dengan mengambil kira perkembangan baru ini, Kerajaan akan mengumumkan anggaran terkini prestasi ekonomi negara bagi tahun 2012 dalam masa terdekat.

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA **Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid**

[Padang Besar]

TARIKH **14 Mac 2012 (Rabu)**

SOALAN **21**

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan memandangkan pelancongan adalah satu industri yang terpenting bagi negara, apakah Kerajaan tidak mengambil contoh negara-negara Emirates yang mengembangkan sektor pelancongannya seiring dengan perkembangan sektor penerbangannya, di mana sektor pelancongan mensubsidikan sektor penerbangan, dan meletakkan kedua-duanya dalam satu industri, dengan demikian tidak terlalu drastik merasionalisasikan syarikat- syarikat penerbangan mereka seperti yang kerap berlaku di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pemberian subsidi kepada syarikat penerbangan adalah bertentangan dengan polisi Kerajaan berhubung *fair competitive practices* sepertimana yang diperuntukkan di dalam kebanyakan Perjanjian Perkhidmatan Udara di antara Malaysia dengan negara-negara asing.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

DARIPADA

LISAN

TARIKH

Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin (Ampang)

SOALAN

14 Mac 2012

PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan butiran tentang dana belas kasihan bagi membantu petani sawah tempatan yang mengalami kerugian sebagai akibat serangan 'ulat ratus'.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak menyediakan sebarang dana ihsan kepada petani. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sentiasa prihatin terhadap musibah yang menimpa petani dan akan meneruskan usaha-usaha untuk mencegah perkara tersebut dari berulang. Kementerian melalui agensi-agensi yang terlibat akan memberikan bantuan khidmat sokongan kepada petani melalui pengurusan perosak berasaskan Amalan Pertanian Baik (GAP).

SOALAN NO. 23

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN
KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA YB DATO' HENRY SUM AGONG
(LAWAS)**

TARIKH 14 MAC 2012

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan berapa unit rumah PBR yang diperuntukkan bagi setiap kawasan Parlimen pada tahun 2012 ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2012, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah diperuntukkan sejumlah **RM302.92 juta** bagi pelaksanaan Program Bantuan Rumahdi bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (PBR, SPKR) di seluruh

negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM100 juta** telah diagihkan untuk pelaksanaan PBR di Negeri Sarawak. Bagi Kawasan Parlimen Lawas, sejumlah **RM3.99 juta** telah diperuntukkan bagi membiayai sejumlah 257 projek PBR membabitkan 24 unit projek bina baru dan 233 unit projek baik pulih.

Untuk makluman Yang Berhormat, secara dasarnya agihan peruntukan dan juga unit projek PBR bagi sesuatu kawasan daerah atau parlimen ditentukan berdasarkan insiden kemiskinan dan senarai keutamaan yang telah diputuskan di peringkat negeri melalui mekanisme *Focus Group* Pembasmian Kemiskinan. Oleh yang demikian, bagi kawasan daerah atau parlimen yang mempunyai bilangan insiden kemiskinan yang tinggi akan diberikan agihan peruntukan yang relatif lebih banyak berbanding dengan kawasan yang mempunyai insiden kemiskinan yang rendah.

Dalam konteks Negeri Sarawak, penyelarasan peruntukan dan unit projek PBR dibuat melalui mekanisme kerjasama antara KKLW dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)

Sarawak yang berperanan sebagai agensi penyelaras bagi pelaksanaan projek-projek PBR di seluruh Negeri Sarawak.

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN

TARIKH: 14 MAC 2012

SOALAN:

Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah gaji pekerja terendah di Kulim Golf dan Country Resort dan berapakah bonus setahun yang diterima semenjak 2008.

PR-1251-L48922

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kulim Golf & Country Resort Sdn Bhd (KGCR) adalah merupakan anak syarikat kepada Kulim Technology Park Corporation (KTPC) dan KTPC pula adalah anak syarikat kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK). Syarikat ini beroperasi di Kulim HiTech Park, Kulim, Kedah Darul Aman. Sehingga Februari 2012 syarikat ini mempunyai 93 orang pekerja tempatan dan tiada pekerja asing diambil bekerja.

Tuan Yang diPertua,

2. Gaji terendah sebanyak RM500.00 sebulan yang diperolehi oleh pekerja KGCR adalah gaji permulaan bagi jawatan-jawatan pencuci pinggang mangkuk, pembantu dapur, tukang kayu, penjaga kolam renang, tukang kebun dan juga kedi. Walau bagaimanapun pekerja-pekerja ini memperoleh pendapatan tambahan apabila KGCR memberi 2 point setiap sebulan dengan nilai 1 point bersamaan RM24.00 sehingga RM60.00 bergantung kepada pendapatan syarikat pada bulan berkenaan.

3. Manakala bayaran bonus kepada pekerja bergantung kepada pendapatan KGCR dan bayaran adalah berbeza-beza setiap tahun. Bayaran bonus KGCR kepada pekerja dari tahun 2008 adalah seperti berikut:

Jadual 1: Bayaran Bonus KGCR Dari Tahun 2008

Tahun	Bayaran
2008	RM1,000.00
2009	RM500.00
2010	RM200.00
2011	% bulan gaji

<m(12 Mac-12 April2012)/fus...29.2.12/gobaCakrisfinanL48922

PERTANYAAN: LISAN

SOALAN NO: 26

DARIPADA: Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE

TARIKH ~~17 MARCH 2012~~ 17 MARCH 2012 PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN:

Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah persetujuan semula penghantaran pembantu rumah Indonesia ke Malaysia dapat diperkenalkan bagi menangani isu-isu yang pernah berbangkit sebelum ini.

PR-1251-L48810

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Isu pembekuan penghantaran pembantu rumah Indonesia ke Malaysia sejak tahun 2009 telah selesai apabila kedua-dua pemimpin tertinggi negara telah bersetuju untuk menangguhkan proses moratorium berkuatkuasa 1 Disember 2011 ketika perbincangan di Bali, Indonesia.
2. Susulan daripada itu, mesyuarat *Joint Task Force* (JTF) telah diadakan dan hasil daripada mesyuarat tersebut kedua-dua pihak

telah mencapai kata sepakat bahawa kemasukan fasa pertama pembantu rumah Indonesia dijangka dapat dijalankan pada 1 Mac **2012**.

3. Namun penghantaran fasa pertama ini tertangguh sehingga April 2012 kerana bakal pembantu rumah Indonesia belum lagi tamat latihan selama 200 jam seperti yang di syarat.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru]

TARIKH : 14 Mac 2012

SOALAN

Y.B. Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) apakah implikasi kewangan yang terlibat sekiranya Kerajaan mengambil alih konsesi semua lebuh raya yang sedia ada; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang mengambil alih konsesi tersebut terutamanya konsesi utama seperti Lebuh Raya Utara-Selatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Hasil kajian yang dibuat oleh juru perunding yang dilantik oleh Kerajaan iaitu Ernst & Young pada tahun 2009, pengambilalihan

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

semua 27 buah lebuhraya bertol melibatkan kos seperti berikut:

Kos pengambilalihan (upfront take over cost):	RM45.2 bilion
Kos penyelenggaraan (future recurring cost):	RM186.4 bilion (nominal value)

Jumlah:

RM231.6 bilion

Hasil Kajian yang dibuat oleh perunding pada tahun 2009 tersebut juga mendapati bahawa pengambilalihan semua lebuhraya bertol akan memberi kesan kepada industri pasaran modal (*capital market*) dalam Negara seperti berikut:

- dianggarkan RM18.8 bilion *market capitalisation* (projek-projek lebuhraya) akan berkurangan di Bursa Malaysia;
- RM38.6 bilion '*corporate bond*' (22% daripada jumlah keseluruhan corporate bond) akan ditebus semula.

Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil alih konsesi Lebuhraya Utara Selatan atau mana-mana konsesi lebuhraya yang lain.

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA YB. DATUK DR. TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE

 MAS GADING 14 MAC 2012 (RABU)
KAWASAN
TARIKH
SOALAN:

YB. DATUK DR. TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE (MAS GADING) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah status perfaksanaan jalan Biawak. Bolehkah projek tersebut diambil! alih dan dilaksanakan di bawah projek jiwa murni.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan projek menaik taraf Jalan Biawak di Lundu, Sarawak telah diluluskan oleh Kerajaan dengan harga kontrak sebanyak RM29.95 juta. Skop projek ini ialah menaik taraf jalan gravel sedia ada sepanjang 18.3 kilometer kepada jalan aspal berturap. Projek telah dimulakan pada 28 Ogos 2009 dan sepatutnya siap pada 20 Ogos 2011.

Walau bagaimanapun, berikutan daripada kelemahan dan ketidakcekapan kontraktor, jabatan Kerja Raya (JKR) telah menamatkan kontrak projek berkenaan pada bulan Februari 2012 yang lalu. Sehingga kini kemajuan kerja fizikai di tapak semasa kontrak tersebut ditamatkan ialah 41% sahaja. Sehubungan itu, JKR sedang dalam proses untuk melantik kontraktor yang baru menerusi proses tender yang dijangka akan dibuat pada buian Mei 2012. Baki projek ini akan mengambil tempoh masa 18 bulan untuk disiapkan, bermula daripada tarikh kontraktor yang baru itu memasuki tapak.

Setakat ini JKR tiada perancangan untuk menyerahkan projek ini untuk dilaksanakan di bawah Program Jiwa Murni kerana ia melibatkan implikasi peruntukan kewangan dan isu-isu teknikal.

Sekian. Terima kasih.

No. QOAUV+IOS NO.

ALIMr^I

^JQTAUP:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT**

	LISAN
PERTANYAAN	YB. TEO NIE CHING [SERDANG]
DARIPADA	14 MAC 2012
TARIKH	4633

**SOALAN
RUJUKAN**

YB. Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah warganegara asing yang mendapat kewarganegaraan Malaysia sejak 1990 hingga sekarang dan nyatakan agama mereka yang terlibat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Serdang yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, jumlah warganegara asing yang dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia sejak 1990 hingga Februari 2012 adalah seramai 65,954 orang. Walau bagaimanapun, Kementerian tidak merekodkan warga asing yang memohon taraf kewarganegaraan mengikut pecahan agama.

NO-SO ALAI'J-.

~~NO. AUM i 29-~~

~~NO. AU P :~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT]
TARIKH	14 MAC 2012
RUJUKAN	4447

SOALAN:

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan strategi dan langkah-langkah tertentu yang akan diambil untuk memastikan Negara Malaysia akan sampai ke taraf kepolisan kelas dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kapit yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Malaysia sememangnya telah mencapai taraf kepolisan peringkat dunia. Ini terbutki melalui pengiktirafan dan jalinan kerjasama PDRM dengan negara-negara luar disamping prasarana yang lengkap dan terkini. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa komited dalam meningkatkan lagi taraf kepolisan di negara ini dengan memberi penekanan dalam beberapa perkara seperti logistik dan infrastruktur, penyiasatan, kerjasama dan kesukarelawanan dan juga modal insan.

Tuan Yang di-Pertua,

Di antara pengisian-pengisian dalam projek ini adalah seperti :-

- (a) Mengkaji amalan terbaik atau *best practices* dari negara-negara luar seperti United Kingdom, Sweden, New York, Hong Kong dan Singapura dalam empat bidang yang dinyatakan tadi;
- (b) Mengadakan Bengkel atau Makmal untuk memilih dan membincangkan secara mendalam inisiatif-inisiatif yang boleh

digunapakai bagi menjamin proses transformasi PDRM bertaraf dunia dapat dilaksanakan; dan

Membincangkan Inisiatif-inisiatif ini diperingkat *Technical Committee* dan seterusnya diangkat ke Mesyuarat *First Steering Committee*.

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB PUAN FONG PO KUAN

(BATU GAJAH)

TARIKH 14 MAC 2012 (RABU)

SOALAN

YB Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan apakah Kerajaan telah membatalkan polisi diskriminasi selepas keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam dalam kes Noorfadilla Ahmad Saikin

SOALAN NO. 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
serta langkah-langkah untuk memastikan polisi dan undang-undang negara
mematuhi Konvensyen Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap
Wanita (CEDAW) dan Perkara 8(2), Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam dalam kes Noorfadilla Ahmad Saikin mengikat (*bind*) Kerajaan Malaysia untuk mengiktiraf kesaksamaan gender selaras dengan peruntukan dalam, dengan izin, *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* (CEDAW) yang telah diratifikasi oleh Malaysia pada tahun 1995. Perkara ini juga selaras dengan Perkara 8(2), Perlembagaan Persekutuan yang menjadi asas dalam penghapusan diskriminasi berasaskan gender.

Bagi memastikan sebarang dasar, perundangan, program dan bajet Kerajaan tidak mempunyai unsur diskriminasi ke atas wanita, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan meneruskan program advokasi kepada kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Program advokasi ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kepekaan pegawai Kerajaan terhadap isu-isu gender; meningkatkan kefahaman mengenai komitmen negara kepada CEDAW dan meningkatkan kemahiran bagi

mengaplikasi perspektif gender dalam penggubalan dasar, perundangan, program dan bajet Kerajaan.

Program advokasi ini juga dijalankan dengan kerjasama daripada pakar gender, ahli akademik dan pertubuhan bukan kerajaan seperti Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), Pusat Kesedaran Komuniti Selangor (EMPOWER) dan *All Women's Action Society* (AWAM).

Dalam hal ini, KPWKM telah melatih *Gender Focal Point* (GFP) dari 42 kementerian dan agensi kerajaan pada tahun 2011. Sebanyak 2 sesi latihan telah diberikan iaitu pada 28 Julai 2011 dan 13 hingga 15 Disember 2011. Latihan ini penting kerana GFP memainkan peranan penting dalam penggubalan dan kajian semula perundangan, dasar dan program di kementerian dan jabatan masing-masing.

Sebagai kesimpulannya, KPWKM berharap pengetahuan yang diberikan dapat membantu melengkapkan GFP terbabit untuk memainkan peranan secara proaktif dalam menganalisa isu-isu serta dasar, perundangan dan program dari perspektif kesaksamaan gender.

NO. SOALAN:

31 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

LISAN
DARIPADA : Datuk Aaron Ago Ariak Dagang[Kanowit]
TARIKH : 14 Mac 201H

SOALAN : Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta PERDANA MENTERI menyatakan status pelaksanaan projek yang telah diluluskan di bawah NKRA iaitu, peratusan dari segi jumlah projek dan peruntukan yang diagihkan, yang telah siap, yang sedang dilaksanakan dan yang belum dilaksanakan. Adakah Kerajaan dapat mencapai matlamatnya untuk kesemua projek ini dapat siap dilaksanakan di penghujung tahun 2012 ini.

JAWAPAN : (oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Program Transformasi Kerajaan ataupun GTP, telah giat dilaksanakan sejak Januari tahun 2010 di bawah Gagasan 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Ianya bertujuan untuk menjadikan penyampaian perkhidmatan awam lebih berkesan lagi melalui program konkrit untuk menghasilkan impak atau "outcome" yang besar dan bermakna kepada rakyat Malaysia, dalam bentuk tujuh (7) 'National Key Result Areas' atau NKRA iaitu NKRA Jenayah, NKRA Rasuah, NKRA Pendidikan, NKRA Pengangkutan Awam Bandar, NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar, NRKA Pendapatan Isi Rumah Rendah dan NKRA Kos Sara Hidup.

Dalam tempoh satu tahun, GTP telah menunjukkan hasil yang jelas dan menggalakkan, seperti yang diterbitkan dalam Laporan Tahunan 2010 dengan angka-angka yang disahkan oleh Pricewaterhouse Coopers (PwC) dan 'International Review Panel' (IRP). Penilaian pencapaian bagi tahun 2011 telah siap dan laporan tahunan akan diumumkan tidak lama lagi.

Pelaksanaan NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar bagi tahun 2010 dan 2011 telah menyentuh kehidupan 3.2 juta rakyat luar bandar. Bagi tahun 2011, pencapaian

termasuk pembinaan jalan-jalan baru sebanyak 997 km berbanding dengan sasaran 905.12 km, penyambungan bekalan air bersih kepada 72,406 isi rumah berbanding dengan sasaran 58,087 isi rumah dan penyampaian bekalan elektrik kepada 26,956 buah rumah berbanding dengan sasaran 26,882 buah rumah. Tambahan lagi, sebanyak 14,365 buah rumah kos rendah telah dibina atau dibaikpulih berbanding dengan sasaran 9,146 buah rumah.

Selain itu, bagi NKRA Isirumah Berpendapatan Isi Rumah Rendah, kita telah melihat sebanyak 58,717 isi rumah mengambil bahagian dalam Program 1Azam yang merangkumi Azam Tani, Azam Niaga, Azam Kerja dan Azam Khidmat, yang menambahkan pendapatan mereka melalui perniagaan dan pekerjaan supaya dapat keluar daripada perangkap golongan miskin. Di bawah NKRA Kos Sara Hidup, Kerajaan, melalui ucapan YAB Perdana Menteri bagi Bajet 2012, sedang memberi bantuan tunai sebanyak RM500 secara one-off kepada anggaran 5.2 juta isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3000 sebulan.

Pada akhir tahun 2011, NKRA Jenayah telah melihat penurunan dalam Indeks Jenayah sebanyak 26% daripada tahun 2009 sejak GTP dilancarkan. NKRA Pendidikan telah melihat hampir 77,225 kanak-kanak yang mendapat faedah dari penambahan 3,089 kelas pra-sekolah di seluruh negara. NKRA Pengangkutan Awam Bandar pula telah melihat peningkatan sebanyak 35% bagi penumpang kereta api dan LRT serta peningkatan sebanyak 22% bagi Bas Ekspres Transit (BET) dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Lembah Kelang.

Bagi NKRA Membanteras Rasuah, antara pencapaian yang telah dicatat adalah penubuhan 14 mahkamah khas rasuah yang telah beroperasi sejak bulan Februari tahun 2011, yang membolehkan 249 kes rasuah dapat diproses sepanjang tahun lalu. Portal MyProcurement juga telah memuatnaik lebih daripada 5,000

kontrak tender terbuka secara atas talian. Lebih daripada 130,000 Integrity Pact telah ditandatangani oleh syarikat-syarikat yang terlibat dengan sebarang projek dan perolehan kerajaan. Antara inisiatif lain yang telah dilaksanakan ialah '*Name and Shame Database*' atau Pengkalan Data Pesalah Rasuah yang telah memuatnaik lebih daripada 700 maklumat pesalah rasuah.

Secara keseluruhan, GTP telah berjaya mencapai 131 peratus daripada sasaran yang ditetapkan untuk tahun 2011. Jumlah yang diperlukan ataupun peruntukan yang sedia ada bagi program GTP pada tahun 2011 merangkumi sebanyak RM 9.2 billion , di mana peruntukan sebanyak 92 peratus telah digunakan untuk mencapai implementasi projek-projek di bawah NKRA seperti dihuraikan di atas.

Sebanyak RM 6.56 billion Perbelanjaan Pembangunan (*Development Expenditure*) dan sebanyak RM 951 juta Perbelanjaan Mengurus (*Operation Expenditure*) telah diberikan peruntukan dalam Bajet 2012 bagi melaksanakan projek-projek di bawah tujuh (7) NKRA yang dijangka akan dapat terus memberikan kesan positif untuk rakyat Malaysia.

No. Soalan : **[32]**

PR-1251-L48427

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH]

TARIKH : 14 MAC 2012

SOALAN : TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH]
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT minta MENTERI LUAR NEGERI

menyatakan mengapa dan sebab-sebab Wisma Putra enggan memberi kerjasama kepada Suruhanjaya Pilihan Raya untuk melaksanakan proses pengundian luar negara atau 'overseas voting' seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen berkenaan Penambahbaikan Sistem Pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Rasah di atas soalan yang dikemukakan.

2. Tuduhan bahawa Wisma Putra enggan memberikan kerjasama kepada SPR dalam urusan pengundian luar negara adalah tidak tepat. Wisma Putra senantiasa memberi kerjasama yang amat baik dengan SPR dalam pengurusan pengundian pos bagi Pengundi Tidak Hadir (PTH) luar negeri pada setiap pilihan raya yang telah dilaksanakan

Tuan Yang di-Pertua,
terutamanya selaku Penolong Pendaftar Pemilih di luar negeri dalam membantu urusan pendaftaran PTH berlandaskan Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 sebagaimana yang ditetapkan SPR selaras dengan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan yang menyentuh berkenaan kelayakan sebagai pemilih.

3. Sebagai makluman Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Luar Negeri termasuk semua perwakilan Malaysia di seberang laut sentiasa memastikan hak warganegara Malaysia di luar negara untuk melaksanakan tanggungjawab untuk mendaftar sebagai pemilih sentiasa terjamin. Kementerian ini bekerjasama rapat dengan pihak Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR), untuk memastikan Borang Pendaftaran Pemilih (Borang A) yang mencukupi dibekalkan kepada kesemua Kedutaan Besar, Suruhanjaya Tinggi, Konsulat Jeneral dan Konsulat Malaysia di luar negeri.

4. Sebagai makluman Dewan Yang Mulia ini, suatu Mesyuarat telah diadakan di antara Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) dengan Wisma Putra yang bertujuan untuk membincangkan tatacara terbaik bagi pengundian oleh warganegara Malaysia di luar negeri yang layak mengundi sebagai Pengundi Tidak Hadir (PTH). Perkara-perkara berbangkit yang telah dibincangkan adalah berkaitan dengan penyediaan logistik yang melibatkan pengendalian kertas-kertas undi dari pelbagai bahagian pilihan raya, penghantaran kotak-kotak undi dari Malaysia ke negara-negara asing yang terlibat, penyediaan tempat mengundi di pejabat-pejabat Perwakilan, kesediaan pegawai-pegawai untuk mengendalikan proses pengundian di luar negara dan keselamatan proses pengundian keseluruhannya.

5. Mesyuarat tersebut juga telah memutuskan bahawa cadangan pembukaan pusat mengundi di pejabat Perwakilan Malaysia di luar negeri dilihat akan menyukarkan pengundi untuk hadir ke pejabat Perwakilan untuk membuang undi kerana jarak perjalanan yang jauh serta kos tambang yang tinggi. Di samping itu, sekiranya cadangan ini dilaksanakan, SPR tidak boleh bersikap selektif iaitu dengan hanya menubuhkan pusat-pusat mengundi di negara yang mempunyai bilangan pemilih yang ramai sahaja sepertimana yang dicadangkan kerana kemudahan yang sama juga perlu disediakan bagi pengundi-pengundi warganegara Malaysia yang menetap di negara-negara lain.

6. Sehubungan itu, memandangkan kaedah pengundian pos merupakan suatu yang diperuntukkan oleh undang-undang, SPR telah memutuskan untuk meneruskan kaedah sedia ada pada Pilihan Raya Umum Ke-13 yang akan datang. Wisma Putra sentiasa bersedia bekerjasama dengan SPR bagi membantu pelaksanaan apa jua kaedah pengundian di luar negeri sepertimana yang diputuskan oleh SPR dan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen berhubung Penambaihan Proses Pilihanraya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
: DATO' ISMAIL BIN KASIM :
DARIPADA 14 MAC 2012
TARIKH
SOALAN

Dato' Ismail bin Kasim (Arau) minta PERDANA MENTERI menyatakan usaha Kerajaan untuk meningkatkan Ekuiti penyertaan Bumiputera dalam sektor ekonomi dan apakah kriteria yang diguna pakai bagi pemilihan syarikat Bumiputera untuk menyertai Program TeraS yang diterajui oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU).

JAWAPAN

Kerajaan menerusi TERAJU telah merangka Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera dengan matlamat untuk memperkukuhkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara. Salah satu strategi utama adalah berkenaan peningkatan ekuiti penyertaan Bumiputera yang pada masa ini berada pada tahap 21.9%. Pendekatan yang telah dan akan diambil termasuklah menerusi program Skim Jejak Jaya dan Pelupusan aset syarikat milik Kerajaan yang bermula dengan kumpulan PNB dan Khazanah Nasional. Menerusi pendekatan tersebut pemilikan ekuiti Bumiputera di kalangan individu, syarikat dan institusi pelaburan Bumiputera dapat dipertingkatkan. Mengenai kriteria yang diguna pakai bagi pemilihan program TeraS ialah syarikat tersebut mestilah mencatatkan keuntungan sepanjang tiga tahun lepas, CEO dan majoriti pengurusannya adalah Bumiputera, ekuiti Bumiputera sekurang-kurangnya 60%, penarafan tiga bintang SCORE oleh SM Corp, bukan

merupakan syarikat GLC dan sebaik-baiknya dalam bidang-bidang tumpuan NKEA. Maklumat lanjut mengenai program TeraS boleh di dapati melalui website TERAJU di <http://www.teraju.gov.my>.

Soalan No : 34

PERTANYAAN LISAN

DARIPADAY.B. TUAN LIEW CHIN TONG

(BUKIT BENDERA)

TARIKH 14.03.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA] minta Menteri Pelajaran menyatakan secara terperinci pelan mengemas kini sistem pelajaran dari segi tempoh pelaksanaan, perbelanjaan dan kesan terhadap silibus sekolah serta guru-guru.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa penilaian sistem pendidikan secara menyeluruh sedang dilaksanakan dari segala aspek terutama bidang pengurusan seperti dasar, kurikulum, pentaksiran, struktur persekolahan, kualiti guru dan kepimpinan, sumber manusia, tadbir urus dan pengurusan, infrastruktur dan kemudahan pendidikan. Laporan penilaian sistem pendidikan ini akan menjadi asas kepada penghasilan pelan pencapaian dan hala tuju pendidikan (*blue print*) Kementerian Pelajaran bagi mencapai hasrat kerajaan menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi dan meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang 2020.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA **YB KHAIRY JAMALUDDIN**
TARIKH **14 MAC 2012**

SOALAN:

YB Khairy Jamaluddin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pelaksanaan Skim Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) dan apakah benar dakwaan Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) bahawa mereka telah diketepikan di dalam perbincangan bagi merangka dan menghalusi skim tersebut.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abd Razak dalam **Majlis Perhimpunan Khas Penjawat Awam Bersama YAB Perdana Menteri** pada 8 Mac 2012 (Khamis), struktur saraan baru Perkhidmatan Awam atau SBPA yang diperkenalkan pada 1 Januari 2012, dibatalkan, Sistem Saraan Malaysia (SSM) ditambahbaik seperti berikut:

- a) pelarasan gaji 7 -13% berdasarkan Jadual Gaji Matriks (JGM) SSM mengikut peratusan bagi gred-gred tertentu;

- b) struktur gaji JGM di bawah SSM dipinda kepada Jadual Gaji Minimum - Maksimum dengan kadar Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) bagi Gred 1 - 54 ditetapkan di antara RM80 hingga RM320 mengikut gred manakala KGT bagi JUSA dan ke atas ditetapkan kekal menggunakan KGT SSM dengan diberi pelarasan mengikut peratusan yang ditetapkan;

- c) kadar Bantuan Sara Hidup atau COLA bagi kawasan B dinaikkan daripada RM200 sebulan kepada RM250 sebulan manakala bagi Kawasan Lain dinaikkan daripada RM100 sebulan kepada RM150 sebulan;

- d) Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK), Bayaran Insentif Wilayah (BIW), Bayaran Insentif Pedalaman (BIP) dan Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP) dikekalkan pelaksanaannya mengikut peraturan sedia ada di bawah SSM; dan
- e) keputusan penambahbaikan laluan kerjaya berasaskan prinsip *time-based* Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dikekalkan seperti yang diumumkan dalam Bajet 2012.

Berkaitan dengan CUEPACS, Kerajaan telah mengadakan forum perbincangan bersama CUEPACS dan wakil persatuan melalui tiga Majlis Bersama Kebangsaan yang bersidang sekurang-kurangnya tiga kali setahun. Di samping ini, mesyuarat lain yang tidak berkala turut diadakan di antara pegawai tinggi Kerajaan dengan ahli-ahli Majlis Tertinggi CUEPACS. Kerajaan juga menerima Memorandum dari semasa ke semasa daripada CUEPACS dengan tuntutan- tuntutan tertentu yang telah diambil kira dalam pengubalan SBPA. Sepanjang tahun 2011, sebanyak 13 mesyuarat utama bersama CUEPACS telah diadakan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA **TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG]**

TARIKH **14 MAC 2012**

SOALAN:

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pelaksanaan dan perjalanan Suruhanjaya Integriti Agensi-agensi Penguatkuasaan sejak Rang Undang-undang berkenaan diluluskan pada tahun 2009

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Pada 3 September 2009, **Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700]** telah diwartakan. Sehubungan itu satu Tim Nukleus yang dianggotai oleh 16 orang Pegawai dan Kakitangan telah ditubuhkan untuk menjalankan tugas-tugas operasi penubuhan Suruhanjaya ini, antara lain:-

- Menguruskan pewartaan dan tarikh kuat kuasa Akta 700 di bawah seksyen 1 (2) Akta 700;
- Pelantikan ahli Suruhanjaya: Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan 5 orang Pesuruhjaya;
- Permohonan perjawatan; dan

SOALAN NO.37

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

- Permohonan ruang pejabat.

Pada 1 April 2011, Akta 700 telah dikuatkuasakan melalui **Appointment Of Date Of Coming Into Operation Of The Enforcement Agency Integrity Commission Act 2009 [PU(B) 148/2011]** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin.

SOALAN NO.36

Selaras dengan **s.5(1) Akta 700**, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telah memperkenankan pelantikan ahli-ahli Suruhanjaya untuk tempoh 3 tahun seperti berikut:-

- (a) Datuk Heliliah Mohd. Yusof- Pengerusi;
- (b) Datuk Paul Low Seng Kuan - Timbalan Pengerusi;
- (c) Tan Sri Dr. Zulkefli A.Hassan - Pesuruhjaya;
- (d) Dato' Sri Robert Jacob Ridu - Pesuruhjaya;
- (e) Profesor Tan Sri Dato' Wira Dr. Sharifah Hapsah - Pesuruhjaya;
- (f) Encik Vinayak Prabhakar Pradhan - Pesuruhjaya; dan
- (g) Dato' Salehuddin Saidin - Pesuruhjaya.

Sebaik sahaja Akta 700 mula berkuat kuasa, Suruhanjaya ini telah memulakan operasinya dan menerima aduan salah laku daripada orang ramai.

Sekian. Teima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADAYB DATUK SERI PANGLIMA WILFRED

MONJILIB BUMBURING (TUARAN)

TARIKH **14 MAC 2012 (RABU)**

SOALAN

YB Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip (Tuaran) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan kenapakah banyak bantuan kebajikan yang telah diberi di bawah skim Cari di kawasan Tuaran dan juga di Sabah diberhentikan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan Program CARI bermula pada bulan Julai 2008 dan berakhir pada bulan Oktober 2009. Program ini bertujuan untuk mengesan dan membantu keluarga miskin yang masih belum mendapat bantuan daripada Kerajaan.

Program ini dilaksanakan bagi menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan bantuan kebajikan masyarakat berdasarkan siasatan awal. Inisiatif ini diambil bagi meringankan beban kos sara hidup rakyat akibat kemelesetan ekonomi dan kenaikan harga minyak global pada ketika itu. Bantuan ini berbentuk sementara untuk tempoh maksimum 6 bulan sahaja.

Dalam tempoh 6 bulan tersebut, JKJ menjalankan siasatan dan penilaian terperinci (*means-tested*) bagi mengesahkan kelayakan untuk diserapkan ke skim bantuan kebajikan masyarakat sedia ada. Mereka yang memenuhi

kriteria permohonan bantuan akan diberi kelulusan untuk terus menerima bantuan kebajikan masyarakat.

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini jumlah penerima bantuan kebajikan di negeri Sabah adalah seramai 71,606 orang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 32,724 kes (atau 53%) penerima bantuan telah diluluskan bantuan di bawah Program CARI. Bagi Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Tuaran pula, seramai 989 kes telah diluluskan bantuan di bawah Program CARI.

Penamatan bantuan di bawah Program CARI kepada seramai 42 orang penerima di PKMD Tuaran pula adalah disebabkan oleh:

- i. pendapatan isi rumah telah melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa;
- ii. penerima kini tinggal bersama anak yang mampu menanggung perbelanjaan keluarga; atau
- iii. penerima telah meninggal dunia

Sekiranya Ahli Yang Berhormat Tuaran berpendapat bahawa kes-kes

bantuan yang ditamatkan sepatutnya masih memerlukan bantuan daripada JKM, perkara ini boleh dimaklumkan kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Tuaran bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)
TARIKH	14.03.2012

SOALAN

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kementerian akan memberi kelulusan kepada SJKC Yak Chee dan SMJK Katholik untuk mengadakan cabang sekolah di Taman Tasik Prima, Puchong iaitu tanah yang diberikan oleh Kerajaan Selangor kepada kedua-dua sekolah tersebut. Apakah pendirian Kementerian terhadap permintaan SJKC dan SJKT yang memohon mengadakan cabang sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan penubuhan sekolah dan permohonan pemilikan tanah merupakan dua perkara yang berbeza. Merujuk kepada Perkara 85, Perlembagaan Persekutuan memetik ;

' (1) Jika mana-mana tanah di sesuatu Negeri dirizabkan bagi apa-apa maksud persekutuan, maka Kerajaan Persekutuan boleh menghendaki Kerajaan Negeri, dan kemudiannya, adalah menjadi kewajipan Kerajaan itu, menyebabkan tanah itu diberi kepada Persekutuan untuk selama-lamanya tanpa sekatan-sekatan tentang kegunaan tanah itu.

Sehubungan itu, sekiranya terdapat permohonan sekolah baru, permohonan tersebut perlulah melalui Menteri Pelajaran untuk kelulusan. Manakala kelulusan tapak pula perlu melalui Jawatankuasa Perolehan Tanah di Kementerian Pelajaran Malaysia. Sebagai contoh, dengan merujuk kepada isu sekolah yang

dibangkakan ins, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemaju Prima Nova Harta Development Sdn. Bhd telah membuat rayuan pindaan keluasan tapak daripada 13 ekar kepada 6 ekar sebanyak 2 kali pada tarikh 16 Jun 2009 dan 6 November 2009. Walaubagaimanapun, Kementerian melalui JPN Selangor telah menolak permohonan tersebut kerana ingin mengekalkan keluasan tanah sebanyak 13 ekar untuk pembinaan SK dan SMK. Ini menunjukkan bahawa KPM telah mempunyai perancangan awal bagi melaksanakan pembinaan SK dan SMK Taman Prima, Puchong di atas tapak tersebut. Walau bagaimanapun, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 23 September 2011 kononnya telah meluluskan permohonan tanah tersebut bagi maksud pembinaan SJKC Yak Chee 2, SMKJ Khatolik 2 dan Sekolah Kanak-kanak Autisme di mana ianya tidak selari dengan Perkara 85, Perlembagaan Persekutuan yang dinyatakan di atas. Oleh itu, berdasarkan kepada penjelasan tersebut, isu pembinaan SJKC Yak Chee 2 dan SMJK Khatolik 2 ini sepatutnya tidak ditimbulkan kerana tanah rezab tersebut telah dicadangkan terlebih dahulu sebagai SK dan SMK Taman Prima, Puchong.

Berhubung dengan penubuhan cabang sekolah, jika istilah “cabang” dimaksudkan sekolah cawangan, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) tidak memperuntukkan mengenai pembinaan sekolah cawangan.

~~PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT~~
~~PERTANYAAN JAWAPAN LISAN~~

DARIPADA YB DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.

MUTTALIB [MARAN]

TARIKH 14 MAC 2012

SOALAN:

YB DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setelah mencapai kemerdekaan selama 55 tahun, apakah di antara program dan skim-skim khas untuk rakyat miskin yang telah dilancarkan oleh Kerajaan sepanjang tempoh lima (5) tahun yang lalu serta jumlah peruntukan yang dibelanjakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah mencapai kemajuan dan pembangunan sosio-ekonomi yang amat membanggakan sepanjang tempoh pasca kemerdekaan sehingga kini. Kadar kemiskinan keseluruhan telah berkurang daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 3.8% pada tahun 2009 manakala kadar kemiskinan tegar berkurangan daripada 6.9% pada tahun 1984 kepada 0.7% pada tahun

2009. Pendapatan purata isi rumah juga telah berjaya ditingkatkan daripada RM264 kepada RM4,025 dalam tempoh yang sama.

Oleh itu, kadar kemiskinan keseluruhan berada pada tahap yang rendah dan bukan lagi merupakan isu utama pembangunan negara. Namun, Kerajaan menyedari masih terdapat poket-poket kemiskinan yang memerlukan perhatian khusus, terutamanya di kalangan Orang Asli di Semenanjung dan minoriti etnik di Sabah dan Sarawak. Bagi menangani isu poket-poket kemiskinan ini, Kerajaan bersama-sama agensi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) telah meneruskan pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan yang memberi keutamaan dan faedah kepada golongan miskin, seperti:

- Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) termasuk program bantuan sewa rumah, bantuan baikpulih dan bina baru perumahan;
- Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) meliputi program peningkatan pendapatan; pendidikan, latihan kemahiran dan kerjaya serta program pembangunan minda; dan
- Menyediakan kemudahan dan Program Bantuan Pendidikan kepada para pelajar dari isi rumah miskin seperti Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAMP), Program Rancangan Makanan Tambahan, Bantuan Perjalanan dan Pengangkutan Murid serta Bantuan Biasiswa kepada pelajar yang tidak berkemampuan; dan
- Menyediakan kemudahan sokongan kepada aktiviti keusahawanan dengan meningkatkan akses kepada pinjaman kewangan dan kredit mikro, ruang perniagaan dan pemasaran seperti Skim Pembiayaan

Mikro Kredit Ikhtiar - Luar Bandar, Program Kewangan Mikro Bandar dan Skim Kredit Mikro Usahawan Tani;

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan dasar pembangunan inklusif dalam Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe- 10), pelbagai program-program dan skim khusus telah mula dilaksanakan termasuklah:

- Pemodenan sektor pertanian bagi meningkatkan produktiviti para petani miskin melalui Program Pertanian Komersil dan Pelancongan Desa, Program Lonjakan Mega Luar Bandar - Agropolitan, Program Pembangunan Bersepadu Desa terpencil, *Integrated Agricultural Development Projects (IADP)* dan *Rural Transformation Centre (RTC)*;
- Pembangunan pusat pertumbuhan desa serta pembangunan koridor-koridor sebagai pemangkin pertumbuhan luar bandar serta mewujudkan peluang-peluang ekonomi dan pekerjaan;
- Mewujudkan lebih banyak peluang ekonomi termasuk peluang pekerjaan bagi pekerjaan berpendapatan tinggi terutamanya di sektor swasta melalui pelaksanaan projek di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP); dan
- Melaksana program khusus untuk kumpulan sasar tertentu seperti Dana Pembiayaan Bagi Penduduk Kampung Baru Cina, Skim Pembiayaan Perumahan Kos Rendah Bagi Pekerja-Pekerja Estet; dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan pembangunan yang disalurkan untuk membiayai program pembasmian kemiskinan dalam tempoh lima tahun yang lalu adalah seperti berikut:

Tahun	Peruntukan bagi Pembasmian Kemiskinan (RM bilion)
2006- 2010 (RMKe-9)	20.99
2011-2012 { <i>Rolling Plan I</i> , RMKe-10) ¹	31.76

*Nota: Peruntukan bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh (*Rolling Plan I*) adalah meliputi peruntukan bagi program-program isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah, selaras dengan dasar pembangunan inklusif.

1 Memperkasa keupayaan dan meningkatkan potensi menjana pendapatan isi rumah miskin melalui pendidikan, latihan kemahiran dan program keusahawanan seperti Program Khas Golongan Bumiputera Minoriti Di Sabah dan Sarawak dan Program Peningkatan Kapasiti Dan Kapabiliti Kumpulan Khusus;

PEMBERITAH
UAN
PERTANYAAN
DEWAN
RAKYAT

Soalan No : 40

PERTANYAAN **LISA
N**
DARIPADA **Y.B. TUAN WONG HO
LENG (SIBU)**
TARIKH **14.03.2012**

SOALAN:

Y.B. TUAN WONG HO LENG [SIBU] minta Menteri Pelajaran menyatakan senarai sekolah Cina dan sekolah Inggeris di Sibu yang telah ditutup sejak tahun 1980. Adakah Kerajaan Persekutuan membenarkan sekolah-sekolah tersebut dibuka kembali. Senaraikan sekolah-sekolah yang dibina di Sibu sejak tahun 1980.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat panduan dan prosedur pembukaan dan penutupan sekolah seperti mana yang termaktub di dalam Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan-Peraturan Pendidikan yang berkaitan dengannya. Satu Jawatankuasa Pelaksanaan Pembukaan, Penutupan, Perpindahan, Penukaran Status dan Penggredan Sekolah (JKPS) di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) telah diwujudkan bagi memberi persetujuan dan membuat keputusan mengenai hal-hal berkaitan proses pembukaan, penutupan, perpindahan, penukaran status dan penggredan sekolah.

Menurut Akta Pendidikan 1996, sesebuah sekolah yang telah ditutup tidak boleh dibuka semula pada bila-bila masa pun samada di tempat asal atau pun di tempat baru. Premis sekolah berkenaan boleh digunakan oleh sekolah lain dengan menggunakan identiti baru. Identiti sekolah-sekolah yang ditutup (kod sekolah dan nama sekolah) tidak boleh digunakan oleh sekolah di tempat lain. Sekolah ini perlu dikeluarkan daripada senarai daftar sekolah-sekolah.

Sesebuah sekolah boleh ditutup jika sekolah tersebut:

- i. Tidak beroperasi selama 6 bulan kerana tidak mempunyai murid;
- ii. Dijangka tiada pertambahan murid pada masa hadapan;
- iii. Sekolah bercantum dengan sekolah lain; atau
- iv. Sekolah yang terpaksa berpindah ke luar daerah asalnya yang mungkin disebabkan oleh bencana alam seperti kerap dilanda banjir atau kejadian tanah runtuh atau daerah atau kawasan sekolah sedia ada dipersetujui oleh kerajaan untuk digunakan oleh projek-projek pembangunan yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 24 buah sekolah di daerah Sibu, Sarawak yang telah dibina di Sibu sejak tahun 1980 seperti perincian berikut:

- i. 10 buah Sekolah Kebangsaan (SK)
- ii. 1 buah Sekolah Kebangsaan (Khas) (SK Khas)
- iii. 2 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)
- iv. 11 buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)
- v. Sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) (SMKA)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]

TARIKH

14.03.2012 (RABU)

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengurangkan kos hidup yang membebankan rakyat atau kos pengeluaran atau kos perniagaan di negeri Sabah yang membantut pembangunan dan perkembangan ekonomi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli dewan, antara langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan pada masa ini untuk mengurangkan kos hidup yang membebankan rakyat atau kos pengeluaran atau kos perniagaan adalah dengan pemberian subsidi ke atas barang- barang asas seperti tepung gandum, gula, minyak masak, petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG). Dengan pemberian subsidi ini juga, Kerajaan telah menetapkan harga runcit bagi barangan tersebut bagi semua kawasan. Bagi produk

petroleum (petrol RON95, diesel dan gas petroleum cecair), harganya adalah seragam bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Manakala bagi gula putih bertapis kasar dan halus, tepung gandum kegunaan am dan minyak masak, harga runcit bagi negeri Sabah (Kota Kinabalu), Sarawak (Kuching) dan Labuan adalah seragam.

Tanpa pemberian subsidi ke atas barang-barang tersebut, harga runcit yang perlu dibayar oleh pengguna akan meningkat dan sekaligus akan meningkatkan kos hidup. Seperti contoh, harga runcit gula yang ditetapkan oleh Kerajaan adalah RM2.30 sekilogram. Tanpa subsidi Kerajaan, harga sebenar gula yang perlu dibayar oleh pengguna adalah sebanyak RM2.84 sekilogram.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan juga dengan kerjasama Koperasi Permodalan Felda (KPF) Berhad dan Felda Trading memperkenalkan Koperasi 1 Malaysia (Koop 1 Malaysia) bagi membantu rakyat luar bandar mendapat barangan pada harga lebih murah.

Selain itu, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah melaksanakan Projek pengedaran dan penyeragaman harga bagi membantu masyarakat di kawasan luar bandar dan pedalaman mendapatkan barang keperluan seperti gula, tepung gandum, minyak masak, beras ST15%, gas petroleum cecair (gas memasak) serta petrol dan diesel pada harga yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Sebelum pelaksanaan program ini, penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman, terutama di Sabah dan Sarawak terpaksa membayar harga sangat mahal untuk mendapatkan barangan tersebut, berikutan kos pengangkutan yang tinggi disebabkan jarak jauh ke kawasan terpencil dan laluan sukar melalui laluan lori balak malah terpaksa menggunakan perahu panjang menyusuri sungai dan jeram.

KPDNKK telah diberikan peruntukan melaksanakan program ini untuk pembiayaan kos pengangkutan kepada pengedar untuk membawa barangan tersebut ke pusat jualan yang dilantik.

Peruntukan Program Penyeragaman Harga dari 2009 sehingga 2011

TAHUN	2009	2010	2011
RM (JUTA)	93	79	200

Peruntukan Bagi Tahun 2012

BIL	PROJEK	SEMENANJUNG <i>mgn</i>	* SABAH ' <i>mMm</i> ■■■■	SARAWAK- _ni	JUMLAH i ^3
1	Pengedaran Barang Perlu (BP)	2,470,380	4,788,815	32,589,252	39,848,447
2	Penyeragaman Harga Gas Memasak	153,060	6,095,208	15,286,063.60	21,534,331.60
3	Penyeragaman Harga Petrol dan Diesel	1,934,448	78,853,040	52,772,088	133,559,576
JUMLAH (RM)		4,557,888	89,737,063	100,647,403.60	194,942,354.60

Bilangan transporter / pembekal yang telah dilantik oleh pihak Kementerian tahun 2012 adalah seperti berikut:

NEGERI	PROJEK PENGEDARAN BARANG PERLU	PROJEK PENYERAGAMAN HARGA GAS MEMASAK	PROJEK PENYERAGAMAN HARGA PETROL (RON95) DAN	JUMLAH
Semenanjung	15	9	10	34
Sabah	32	29	38	99
Sarawak	38	62	38	138
JUMLAH KESELURUHAN				271

Disamping itu, bagi mengurangkan kos perniagaan Kementerian telah mengecualikan fi lesen runcit barang-barang kawalan gula, tepung gandum dan minyak masak mulai 1 Julai 2010 dan mengecualikan lesen runcit bagi peniaga runcit simen, bar besi keluli lembut dan ayam mulai 15 Julai 2010.

PEMBERITAH
UAN
PERTANYAAN
DEWAN
RAKYAT

Soalan No : 42

PERTANYAAN **LISA**
DARIPADA **N**
TARIKH **Y.B. DATUK CHUA SOON**
14.03.2012 **BUI (TAWAU)**

SOALAN:

Y.B. DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) apakah nama-nama sekolah rendah Cina di Sabah yang masih menghadapi masalah kekurangan guru-guru, terutama guru-guru mata pelajaran Cina dan apakah tindakan-tindakan yang diambil untuk membetulkan keadaan itu; dan
- (b) apakah sebab-sebab dan tindakan-tindakan untuk menyelesaikan masalah pembatalan GSH (guru sambilan Harian) dan penggantian mereka dengan Guru Gantian

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya, daripada 45 buah SJKC di seluruh negeri Sabah, terdapat kekurangan 100 orang guru bagi jumlah keseluruhan keperluan guru di SJKC. Walau bagaimanapun terdapat lebih 27 orang guru dalam opsyen Bahasa Cina. Bagi menangani isu kekurangan guru di SJKC sama ada di Sabah ataupun di seluruh negara, KPM telah melaksanakan beberapa langkah iaitu:

- i) Menubuhkan Jawatankuasa Khas Menangani Isu Kekurangan Guru di SJKC. Sehingga kini sebanyak dua (2) mesyuarat telah diadakan untuk mendapatkan satu penyelesaian yang terbaik dalam waktu terdekat.
- ii) Mencadangkan Penempatan Semula (*Redeployment*) guru Bahasa Malaysia dari SK ke SJKC Gred A dan B sahaja untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia di Tahun 3 hingga Tahun 6.
- iii) Mencadangkan supaya guru opsyen Pengajian Cina di SJKC yang telah lama mengajar mata pelajaran lain lebih dari lima (5) tahun (contohnya Matematik dan Sains) diberikan latihan tambah opsyen melalui Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO).
- iv) Melulus sejumlah 4,407 jawatan di sekolah menengah untuk diisi secara sementara oleh calon guru yang mempunyai kelayakan ikhtisas pendidikan tetapi belum dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) sebagai guru interim sehingga 15 April 2012.
- v) Melulus sejumlah 1,848 jawatan di SJKC dan 128 jawatan di SJKT untuk diisi secara sementara oleh guru interim sehingga bekalan guru tetap dapat dibekalkan oleh SPP.

NO. SOALAN : 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN KARPAL SINGH
	[BUKIT GELUGOR]
TARIKH	14 MAC 2012 (RABU)

SOALAN

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada beliau bersedia, bersama-sama dengan kerjasama Pakatan Rakyat untuk membentuk majoriti 2/3 di Dewan Rakyat untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk mengembalikan kuasa kehakiman kepada badan kehakiman. Jika tidak, nyatakan sebab- sebabnya.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

1. Peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengan bidang kuasa kehakiman adalah Perkara 121. Ia memperuntukkan mengenai dua

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

Mahkamah Tinggi yang setara bidang kuasa dan tarafnya iaitu Mahkamah Tinggi di Malaya dan Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, serta mahkamah-bawahannya yang diperuntukkan oleh undang-undang Persekutuan. Mahkamah-mahkamah Tinggi dan mahkamah-mahkamah bawahannya itu hendaklah mempunyai apa-apa bidang kuasa dan kuasa yang diberikan oleh atau di bawah undang-undang Persekutuan.

2. Sebelum pindaan yang dibuat kepada Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1988, Perkara 121 memperuntukkan bahawa "...the judicial power of the Federation **shall be vested in two High Courts** of coordinate jurisdiction and status, namely ... the High Court of Malaya ... and

... the High Court of Borneo ... and in such inferior courts as may be provided by federal law.”.

3. Pindaan yang dibuat pada tahun 1988 hanya menggantikan perkataan “vested” kepada “there shall be two High Courts ...”. Sementara itu, perkataan “the jurisdiction ... as may be provided by federal law” masih dikekalkan. Justeru, maksud Perkara 121 kekal tidak berubah, sebelum dan selepas pindaan pada tahun 1988, bahawa kuasa kehakiman mahkamah tinggi dan mahkamah bawahan adalah sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang Persekutuan.

4. Pindaan pada tahun 1988 tidak menjejaskan doktrin pengasingan kuasa dan kebebasan kehakiman sebagai ciri asas dalam Perlembagaan Persekutuan. Perkara ini juga telah diputuskan dalam kes **PP lawan Kok Wah Kuan [2007] 6 CLJ 341**.

5. Dalam kes tersebut, Y.A.A Hakim Besar Sabah dan Sarawak menyatakan bahawa pindaan asal Fasal (1) Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan tidak bermaksud bahawa mahkamah-mahkamah ini hanya

menjadi ejen yang tunduk secara mekanikal kepada setiap perintah dan kehendak undang-undang Persekutuan. Mahkamah-mahkamah, terutama mahkamah-mahkamah peringkat tinggi, adalah merupakan tunggak Perlembagaan Persekutuan yang berdiri secara terasing dan bebas serta sekali-kali tidak menjadi ejen undang-undang Persekutuan. Dalam menjalankan tugas mereka, hakim-hakim melakukan pelbagai fungsi dan mentafsir serta melaksanakan berbagai undang-undang. Oleh itu, Perkara 121 bukanlah dan tidak boleh menjadi sumber tunggal peranan badan kehakiman di negara ini.

6. Justeru itu, adalah jelas bahawa tiada keperluan bagi Kerajaan untuk meminda Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan pada masa ini.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARI PAD A : TUAN ABDULLAH SANI BINABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]
TARIKH : 14 MAC 2011

SOALAN

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta PERDANA MENTERI menyatakan butiran metodologi pangkalan data yang digunakan oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) untuk menjejak kategori pendapatan isi rumah berlainan dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pengkalan data yang diguna pakai ialah “eKasih”, satu sistem maklumat yang dibangunkan oleh ICU JPM yang berperanan sebagai penyelarasan utama bagi semua program pembasmian kemiskinan di peringkat kebangsaan. eKasih bertujuan untuk mengintegrasikan data dan menempatkan maklumat berkaitan dengan profil keluarga miskin dan miskin tegar di kawasan bandar dan luar bandar, mengikut kumpulan etnik, jenis bantuan dan projek yang diterima oleh mereka yang terlibat, serta mengesan pergerakan dan status kemiskinan sesebuah isi rumah yang berkenaan.

Bagi memastikan maklumat adalah tepat dan seragam, input terkini yang dimasukkan ke dalam eKasih adalah hasil daripada Band Isi Rumah

Miskin (BIRM) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS) pada Julai sehingga Disember 2008 bagi fasa pertama dan dari Januari hingga Julai 2009 bagi fasa kedua.

Sehingga kini, lebih daripada 330,000 isi rumah (keluarga) telah berdaftar dalam eKasih. Selain itu, sebarang pertambahan terhadap senarai eKasih ini dapat dilakukan melalui aduan dan laporan awam yang diterima sama ada melalui pendaftaran terbuka secara atas talian (online), melalui maklumbalas daripada pemimpin-pemimpin tempatan, agensi-agensi setempat atau pun melalui sumber-sumber lain.

Melalui pendaftaran terbuka, data dan maklumat disahkan oleh mekanisme Focus Group di setiap peringkat negeri dan daerah untuk diproses dan dimasukkan ke dalam eKasih, selepas proses verifikasi dilakukan oleh pembanci bertauliah yang dilantik dan dilatih bagi mengelakkan sebarang kecenderungan pilih kasih (biasness). Pembanci-pembanci ini ditempatkan di semua Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) khusus bagi melakukan kerja-kerja verifikasi di padang akar umbi (field verification). Proses pengemaskinian maklumat dalam eKasih turut dijalankan dari masa ke semasa melalui mekanisme Focus Group ini.

Sebagai sistem yang bersepadu, maklumat dalam eKasih boleh dicapai (accessible) oleh lebih 30 kementerian dan agensi yang bertanggungjawab melaksanakan program-program pembasmian kemiskinan, termasuk Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar

(KWPKB), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan badan-badan bukan kerajaan.

Dengan lebih 3,000 pemegang ID eKasih seluruh negara, pengguna-pengguna bagi program berdaftar eKasih ini dapat melaksana dan menyalurkan program dan bantuan berpandukan eKasih sebagai bank data tunggal. Ini dapat mengelakkan pertindihan pemberian bantuan dan program, di samping dapat meningkatkan ketepatan pemberian kepada golongan sasaran secara tepat. Selain itu, agensi-agensi tersebut bertanggungjawab dalam mengemaskini maklumat-maklumat ketua isi rumah (KIR) atau ahli isi rumah (AIR) yang telah diberikan bantuan atau terlibat dalam mana-mana projek yang dilaksanakan, agar segala maklumat di dalam eKasih sentiasa terkemaskini (up to date) dan relevan.

Secara keseluruhannya, eKasih adalah sebuah bank data kemiskinan yang dinamik kerana ia sentiasa berubah bagi menunjukkan data dan maklumat kemiskinan nasional yang terkini. Dengan adanya eKasih, Kerajaan akan sentiasa dapat memantau pelaksanaan program- program pembangunan sosio-ekonomi dan pembasmian kemiskinan yang dirancang dengan lebih tepat kepada kumpulan sasaran.

NO.SOALAN: 45

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB HAJI CHE UDA BIN CHE NIK

TARIKH

14 MAC 2012

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
SOALAN:

YB Haji Che Uda Bin Che Nik minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai Skim Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) sedang di semak semula, adakah golongan pendidikan (Guru) di beri keanggotaan yang cukup dalam Jawatankuasa Semakan Semula, ini kerana kakitangan Kementerian Pelajaran mewakili separuh dari jumlah Kakitangan Awam yang ada di negara ini. Adakah Kerajaan memikirkan perlu untuk menubuhkan Suruhanjaya Di Raja untuk menyusun semula Skim Perkhidmatan Pendidikan (Guru) yang berkecamuk itu.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Pasukan Petugas Semakan Semula SBPA turut dianggotai empat (4) wakil daripada Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) bagi pihak 1.54 juta penjawat awam, termasuk seorang wakil daripada Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP).

Wakil NUTP turut dijemput untuk membentangkan permasalahan dan cadangan penambahbaikan berkaitan pelaksanaan SBPA dalam Mesyuarat Pasukan Petugas Semakan Semula Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) Bilangan 3 Tahun 2012 pada 14 Februari 2012. Semua cadangan yang dikemukakan oleh NUTP telah diambil kira dalam proses penambahbaikan SBPA.

Sekian, terima kasih.

Uo. s. O At Ail -1^4

NO AUM : 46

NO AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH 14 MAC 2012

RUJUKAN 4448

SOALAN :

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa Chan Ming Ying (No. KP. 810202-08-6389)(No. Permohonan: 08021011-20080918-161056-09), Wong Yew Chien (Sijil Kelahiran KK 11242/97)(No. Permohonan: 16011018-20100417-103928-67) dan Wong Yew Lee (Sijil Kelahiran KK 8017/99)(No. Permohonan: 16011018-20100417-103748-66) yang dilahirkan di Malaysia dan tidak pernah menetap di mana-mana negara lain tidak diluluskan permohonan kewarganegaraan mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Beruas yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, penganugerahan taraf kewarganegaraan atau status kerakyatan kepada warga asing akan dipertimbangkan berdasarkan kepada syarat-syarat dan kelayakan sebagaimana yang termaktub di Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Permohonan taraf kewarganegaraan bagi Wong Yew Chien dan Wong Yew Lee diproses di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan. Permohonan seumpama ini akan dipertimbangkan sekiranya dikemukakan oleh ibu, bapa atau penjaga yang bertaraf warganegara Malaysia dan mempunyai tali persaudaraan dengan subjek. Oleh itu, permohonan taraf kewarganegaraan bagi kedua-dua penama tidak diluluskan kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Manakala, permohonan pengesahan taraf oleh Chan Ming Ying (No. Kad Pengenalan Sementara: 810202-08-6389) tidak dapat dipertimbangkan kerana tiada tuntutan sebagai warganegara secara kuat kuasa undang-undang.

NO SOALAN :47

DARIPADA : Y.B. DATO¹ HAJI KAMARUDIN BIN JAFFAR

-
- 1 Kerajaan Persekutuan = RM 5.15 bilion
 - ii) Negeri Sarawak = RM2.05 bilion
 - iii) Negeri Sabah =RM831juta
 - iv) Negeri Terengganu = RM1.96 bilion

(TUMPAT)

PERTANYAAN : HAN
TARIKH : 14.03.2012
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Y.B. DATO¹ HAJI KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah royalti atau lain-lain bayaran dan namakan negeri-negeri yang menerima bayaran tersebut dari PETRONAS pada tahun 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah bayaran hasil petroleum yang dibayar oleh PETRONAS dalam tahun 2011 adalah sebanyak RM 10.01 bilion. Mengikut negeri jumlahnya adalah seperti berikut:

v) Negeri Kelantan =RM17juta

SOALAN NO : 48

PARLIMEN MALAYSIA PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN

PERTANYAAN

RAKYAT

DARI PAD A

TARIKH

LISAN

SOALAN

Dr. Mohd Hatta bin Ramli [Kuala Krai]

14 MAC 2012 (RABU)

Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sama ada Program Meningkatkan Bekalan Daging yang dilaksanakan oleh NFC Sdn. Bhd. dikategorikan sebagai berjaya atau gagal mencapai objektifnya.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Pusat Fidlot Nasional (PFN) adalah projek penternakan lembu fidlot yang dijalankan di Gemas, Negeri Sembilan dengan matlamat untuk meningkatkan pengeluaran daging tempatan dalam negara manakala National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFCorp) adalah syarikat yang dilantik oleh Kerajaan sebagai integrator projek di PFN.

Memandangkan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat kini berada di dalam tindakan mahkamah ulasan tidak dapat diberikan kerana dikhuatiri akan menjejaskan perbicaraan mahkamah dan seterusnya menimbulkan subjudis.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA **TUAN ER TECK HWA [BAKRI]**

TARIKH **14 MAC 2012 (RABU)**

SOALAN **49**

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa keluarga yang tinggal di sepanjang laluan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Johor telah diberi arahan untuk mengosongkan rumah kediaman mereka di bawah projek landasan berkembar Gemas-Johor Baru. Senaraikan jumlah rumah kediaman yang terlibat berdasarkan pecahan kawasan daerah dan mukim.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Pada masa kini, Kementerian telah mengenalpasti setingggan kediaman yang menduduki tanah rezab kereta api yang terlibat dalam kerja pembinaan. Mengikut rekod, sejumlah 805 bilangan setingggan kediaman terlibat dan akan dipindahkan keluar dari kawasan tersebut.

Notis-notis pengosongan setingggan telah dikeluarkan oleh Perbadanan Aset Keretapi (PAK) bertarikh 25 Julai 2011 hingga 30 Julai 2011.

Pecahan setingggan kediaman sahaja adalah seperti berikut; iaitu sebanyak 96 setingggan kediaman bagi daerah Segamat, 358 setingggan kediaman bagi daerah Kluang, 326 setingggan kediaman bagi daerah Kulaijaya dan sebanyak 25 setingggan kediaman di daerah Johor Bahru.

NO. SOALAN: 50

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
(MARANG)

TARIKH 14 MAC 2012 (RABU)

SOALAN

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil menyeluruh pelaksanaan pendekatan Islam Hadhari oleh Kerajaan dan apakah hala tuju pendekatan tersebut di masa hadapan setelah diwujudkan beberapa institusi berkaitan seperti Institut Islam Hadhari di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Pendekatan Hadhari adalah merujuk kepada 10 prinsip utama yang menjadi hasrat dan matlamat melahirkan modal insan yang cemerlang juga berjati diri. Matlamat murni ini berjalan secara berterusan termasuk mengambil berbagai pendekatan dan gagasan selaras dengan keperluan semasa termasuklah pendekatan wasatiyyah demi melahirkan pemimpin dan masyarakat Islam yang sederhana, tidak ekstrem, mengamalkan budaya pemikiran rasional dan tindakan yang berimbang.

Secara umumnya, pelaksanaan pendekatan Hadhari dilihat memberi kesan yang positif dalam proses pembangunan tamadun ummah yang berterusan ke arah melahirkan individu dan masyarakat yang mempunyai kekuatan rohani dan jasmani, berakhlak mulia, berdaya saing, inovatif dan proaktif. Kerajaan yakin proses pembinaan tamadun ini akan terus digerakkan dengan berkesan dalam membangunkan masyarakat dan negara secara menyeluruh berdasarkan perspektif tamadun Islam.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN
ABDULLAH

KAWASAN

KOTA BAHRU 14 MAC 2012 (RABU)

TARIKH

SOALAN:

YB. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH (KOTA
BAHRU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan status terkini pembinaan
Jambatan ke-2 Sultan Yahya Petra Kota Bharu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina jambatan ke-2 Sultan Yahya Petra, Kota Bharu, Kelantan dengan harga kontrak RM161.99 juta telah dimulakan 18 Jun 2007 dan sepatutnya siap dalam tempoh 30 bulan, iaitu pada 17 Disember 2009. Namun demikian berikutan daripada masalah-masalah yang timbul di luar kawalan kontraktor, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah memberikan kelulusan Tempoh Lanjutan Masa sehingga 30 Ogos 2012.

Sehingga 1 Mac 2012 ini, kemajuan fizikal di tapak ialah 81% berbanding 85% mengikut jadual yang telah disusun semula. Kelewatan 4% ini disebabkan oleh faktor cuaca buruk dan banjir yang melanda bandar Kota Bharu pada akhir tahun 2011 dan awal tahun ini sehingga menjejaskan kemajuan kerja-kerja penamatan cerucuk di dasar sungai. Walau bagaimanapun, kemajuan pelaksanaan projek ini sedang dipantau dengan teliti oleh JKR dengan penglibatan dan komitmen oleh pihak-pihak yang terlibat. Ini bagi memastikan kelancaran kerja-kerja di tapak dapat dipertingkatkan dan projek ini mampu disiapkan dengan kadar yang segera demi kepentingan orang ramai.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN

TARIKH

PEMBERITAHUAN
AN [WANGSA MAJU]
PERTANYAAN 4.03.2012 (RABU)
DEWAN [WANGSA MAJU] minta MENTERI PERDAGANGAN
RAKYAT
MALAYSIA
TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU] minta MENTERI PERDAGANGAN
DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan status siasatan
oleh MYCC terhadap pertukaran saham di antara MAS-AirAsia / CCF, yang jelas
bertentangan dengan kepentingan negara, dan sama ada MYCC juga mengambil
tindakan terhadap AirAsia yang menerbitkan tambang mengelirukan dalam laman
webnya dengan caj-caj terselindung seperti Pertanyaan Telefon RM1.99 setiap minit,
Bayaran Mudah RM8, Yuran Tempahan RM30, Fuel Surcharge RM90, Bagasi
(Supersize) sehingga RM150, Infant Seat Service Fees RM125, Peralatan Sukan
sehingga 20 Kg RM75 dan sebagainya di mana Australian Competition & Consumer
Commission (ACCC) telah memfailkan tindakan mahkamah terhadap AirAsia di
Australia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sedang meneliti rungutan orang ramai dan
aduan mengenai penggabungan MAS-AIRASIA yang dikatakan mempunyai unsur-

unsur anti-persaingan. MyCC juga sedang mengkaji dengan lebih mendalam samada amalan kedua-dua pihak tersebut melanggar peruntukkan Akta Persaingan 2010 baik menerusi perjanjian Comprehensive Collaborative Framework (CCF) atau sebaliknya.

MyCC tidak akan mengambil tindakan terhadap AIRASIA semata-mata kerana menerbitkan tambang yang mengelirukan sebab ianya bukan suatu kesalahan dibawah Akta Persaingan 2010.

NO.

SOALAN:53 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON

[IPOH BARAT]

TARIKH : 14 MAC 2012

SOALAN

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta PERDANA MENTERI menyatakan

(a) jumlah rakyat Malaysia yang telah meninggalkan Malaysia sejak tahun 1957 dan mengkategorikannya dengan mengikut kaum; dan

(b) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan supaya kumpulan rakyat Malaysia yang telah meninggalkan negara ini akan kembali ke Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Menurut Laporan Bank Dunia *Malaysia Economic Monitor: Brain Drain* keluaran April 2011, jumlah rakyat Malaysia yang kini bermastautin di luar negara adalah kira-kira 1 juta orang pada 2010 berbanding dengan 750,000 pada 2000. Mengikut laporan tersebut, di negara seperti Singapura sebahagian besar rakyat Malaysia yang bermastautin di sana berbangsa Cina, diikuti kaum Melayu dan India.
2. Kerajaan memandang serius akan isu ini dan dalam usaha mentransformasikan negara, YAB Perdana Menteri telah mengambil beberapa pendekatan holistik: pertama, melalui pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) bagi menarik pelaburan asing untuk membolehkan industri beralih ke rantai nilai yang lebih tinggi dan mewujudkan peluang pekerjaan professional berpendapatan tinggi; kedua, melalui pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) ke arah meningkatkan lagi taraf kehidupan rakyat jelata, khususnya dari segi menangani masalah jenayah dan meningkatkan kualiti pendidikan; dan ketiga, melalui gagasan 1 Malaysia bagi memupuk semangat keterangkuman (*inclusiveness*) di kalangan rakyat. Pendekatan holistik ini akan memanfaatkan rakyat Malaysia yang bekerja di Malaysia dan pada masa yang sama, dijangka akan menarik minat tenaga kerja berkemahiran tinggi Malaysia di luar untuk pulang ke Malaysia.
3. Setakat ini, di antara kemajuan yang dapat dilihat daripada ETP dan GTP ialah dengan pengumuman 13 inisiatif oleh YAB Perdana Menteri pada November 2011 yang dijangka menjana pelaburan sebanyak RM5.85 billion. Sehubungan dengan itu, dalam usaha untuk mempromosikan peluang-peluang pekerjaan profesional yang wujud

hasil daripada pelaksanaan ETP dan juga peningkatan taraf hidup rakyat Malaysia melalui pelaksanaan GTP, Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) telah mengadakan sesi temu seru bersama wakil-wakil industri dalam negara bersama masyarakat Malaysia di Australia, Amerika Syarikat, Jepun dan United Kingdom. Program temu seru ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran diaspora Malaysia mengenai pembangunan dalam negara.

4. Bagi tahun 2012, sesi temu seru setakat ini telahpun diadakan di Ireland, United Kingdom dan Jepun yang telah dihadiri oleh golongan professional Malaysia dari pelbagai bidang. Sesi temu seru ini antara lain membolehkan masyarakat Malaysia di luar negara memahami dengan lebih mendalam lagi usaha-usaha TalentCorp untuk memudahcara (*facilitate*) keupulangan golongan professional ke Malaysia serta peluang pekerjaan yang luas di Malaysia hasil daripada projek di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP).
5. Program *Returning Expert Program* (REP) merupakan satu program yang dirangka untuk memudahcara keupulangan golongan profesional Malaysia menerima respons yang amat menggalakkan. Ini dapat dilihat dari segi peningkatan bilangan profesional yang telah diberi kelulusan insentif REP dari tahun ke tahun. Pada tahun 2011, bilangan tersebut meningkat kepada 680 orang berbanding 313 pada tahun 2010.
6. Untuk makluman ahli yang berhormat, mereka yang telah kembali ke Malaysia sedang berkhidmat dalam pelbagai bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) khususnya sektor Perkhidmatan Kewangan; Perkhidmatan Perniagaan; Minyak, Gas dan Tenaga; Kandungan

Komunikasi dan Infrastruktur; serta Elektrik dan Elektronik. Antara golongan yang kembali berkhidmat termasuklah para profesional yang berkualiti tinggi yang kini telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di syarikat tersenarai serta sebagai anggota pengurusan terkanan di syarikat multinasional.

7. Selain itu, TalentCorp juga terus berusaha untuk membina jaringan profesional dengan mereka yang menetap di luar negara untuk *leverage* kepakaran dan jaringan luar negara mereka bagi faedah pembangunan ekonomi tempatan walau di manapun mereka berada. Misalnya, beberapa pakar Malaysia dari *Silicon Valley* telah dijemput kembali ke tanahair untuk mengendalikan bengkel di ibu negara pada bulan yang lalu bersama beberapa syarikat bertaraf Koridor Raya Multimedia (MSC).

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. PUAN CHONG ENG (BUKIT MERTAJAM)
TARIKH	14.03.2012

SOALAN:

Y.B. PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah kanak-kanak yang tidak dapat masuk ke sekolah disebabkan mereka tidak mempunyai taraf kewarganegaraan Malaysia; dan
- (b) kenapa perkara ini masih timbul apabila situasi ini telah dipersetujui dibenarkan masuk ke sekolah dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Januari 2008

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada tahun 2009 menunjukkan terdapat seramai 43,973 orang kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri dalam lingkungan umur persekolahan (7 hingga 17 tahun) di negara ini tidak berpeluang mendapat pendidikan. Kajian tersebut menunjukkan 5,271 (12%) ialah kanak-kanak warganegara Malaysia manakala 38,702 (88%) adalah anak-anak pelarian, anak-anak pemohon suaka politik, anak-anak

pekerja asing, anak-anak Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan kanak-kanak jalanan yang tidak ketentuan kewarganegaraannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri pada 16 Januari 2008 telah memutuskan semua anak-anak warganegara Malaysia yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri boleh diterima masuk ke sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Arahan tersebut terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pelajaran Malaysia, Bil. 1/2009 bertarikh 11 Mac 2009. Pekeliling berkenaan menetapkan kanak-kanak tanpa dokumen boleh diterima mengikuti persekolahan di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan jika mana-mana salah seorang ibu atau bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara Malaysia, dan disokong dengan surat pengesahan/perakuan ketua kampung untuk menjelaskan bahawa kanak-kanak tersebut adalah anak kepada warganegara Malaysia. Penguatkuasaan pekeling ini telah memberi hak kepada semua kanak-kanak warganegara Malaysia untuk mengikuti persekolahan sama ada sekolah kerajaan mahupun sekolah bantuan kerajaan di negara ini.

Pekeling berkenaan menetapkan kanak-kanak tanpa dokumen boleh diterima mengikuti persekolahan di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan jika mana-mana salah seorang ibu atau bapa kanak-kanak tersebut ialah warganegara Malaysia, dan disokong dengan surat pengesahan / perakuan ketua kampung untuk menjelaskan bahawa kanak-kanak tersebut ialah anak kepada warganegara Malaysia. Penguatkuasaan pekeling ini telah memberi hak kepada semua kanak-kanak warganegara Malaysia boleh mengikuti persekolahan sama ada sekolah kerajaan mahupun sekolah bantuan kerajaan di negara ini.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
BAGI JAWAB
LISAN** **DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN **JAWAB LISAN**

DARIPADA

**Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed
Said [Kuala Krau]**

TARIKH

Rabu, 14 Mac 2011

SOALAN

**Dato' Haji Ismail Bin Haji
Mohamed Said [Kuala Krau] minta
MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan pendirian Kerajaan
Malaysia di dalam isu berhubung
kenyataan Ketua Pembangkang
yang merakamkan sepenuhnya
sokongan beliau kepada semua
tindakan yang diambil bagi menjaga
keselamatan negara Israel' (I support
all effort to protect the security of the
state of Israel) di dalam Wall Street
Journal.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Luar Negeri telah menerima 11 Pertanyaan Bagi Jawab Lisan berkaitan dengan dasar Kerajaan Malaysia terhadap Negara Israel, Pendirian Kerajaan mengenai isu Negara Israel yang disokong oleh individu tertentu di Malaysia dan usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan Malaysia bagi merealisasikan Proses Perdamaian Timur Tengah. Memandangkan kesemua pertanyaan tersebut pada asasnya menyentuh isu-isu yang serupa, saya memohon untuk memberi jawapan secara serentak bagi menjimatkan masa Dewan yang mulia ini.

2. Sehubungan dengan itu, izinkan saya untuk memberikan jawapan kepada Pertanyaan-pertanyaan daripada:

- **Y.B. Libaran dan Y.B. Kuala Krau** bertarikh 14 Mac 2012;
- **Y.B. Marang dan Y.B. Padang Serai** bertarikh 19 Mac 2012;
- **Y.B. Pasir Salak** bertarikh 21 Mac 2012;
- **Y.B. Paya Besar** bertarikh 22 Mac 2012;
- **Y.B. Kinabatangan** bertarikh 26 Mac 2012;
- **Y.B. Gopeng** bertarikh 28 Mac 2012;
- **Y.B. Kuala Krai** bertarikh 2 April 2012;
- **Y.B. Rembau** bertarikh 3 April 2012; dan
- **Y.B. Kuantan** bertarikh 5 April 2012.

3. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat di atas pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan.

4. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia tidak pernah menjalinkan sebarang hubungan diplomatik dengan

Tuan Yang di-Pertua,
Israel. Dasar ini adalah amat jelas dan ianya tidak pernah berubah sejak dahulu lagi. Malah, Malaysia secara konsisten menyuarakan kebimbangan, serta mengutuk keras dan mengecam tindakan-tindakan Israel ke atas pencerobohan yang berterusan di wilayah yang di duduki rakyat Palestin dan aktiviti penempatan haram di Tebing Barat.

5. Dalam hubungan ini, Malaysia menyokong sepenuhnya segala usaha yang dijalankan oleh masyarakat antarabangsa dalam mencari penyelesaian yang adil dan berkekalan terhadap konflik Palestin - Israel. Ini termasuklah komitmen Malaysia terhadap Penyelesaian Dua Negara atau *Two-State Solution* dengan izin, untuk mencapai penyelesaian secara komprehensif terhadap konflik ini. Malaysia percaya bahawa Penyelesaian Dua Negara yang diusahakan sejak Persidangan Annapolis 2007 adalah realistik dan boleh dicapai seandainya Israel bersikap jujur dan terbuka dalam menyelesaikan semua tuntutan asas Palestin.

6. Saya juga ingin menegaskan bahawa Kerajaan Malaysia tidak pernah sama sekali menyokong tindakan-tindakan dan pendekatan-pendekatan Israel yang jelas melanggar perundangan antarabangsa dan resolusi-resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) terutamanya Resolusi 242, Resolusi 338, Resolusi 425 dan Resolusi 194.

7. Sebagai negara yang prihatin dan bersimpati terhadap nasib malang rakyat Palestin, Malaysia telah dan akan terus memberi sokongan dari segi sosial, politik dan ekonomi kepada Palestin. Ini termasuklah bantuan kewangan dan kemanusiaan menerusi bantuan pembangunan semula di Wilayah Gaza dan Tebing Barat. Di samping itu, Malaysia juga telah memberi latihan kepada Palestin di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP)

Tuan Yang di-Pertua,
serta bantuan yang dihulurkan melalui Pertubuhan-pertubuhan
Badan Bukan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Malaysia berpendirian bahawa penyelesaian terbaik kepada konflik Palestin - Israel boleh dicapai melalui rundingan bagi memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan serantau yang berkekalan. Dalam hubungan ini, Malaysia telah menggesa supaya semua pihak berusaha mencari satu penyelesaian komprehensif yang adil dan saksama berdasarkan kepada '*Roadmap*' dengan izin, yang diusahakan oleh Kuartet Damai Timur Tengah, Inisiatif Damai Arab dan resolusi-resolusi Majlis Keselamatan PBB yang berkaitan, di mana kedua-dua buah negara dapat hidup berjiran dalam keadaan aman dan selamat.

9. Untuk itu, Malaysia sentiasa memainkan peranan aktif dalam usaha mencari penyelesaian yang adil dan berkekalan di dalam konflik Israel - Palestin, khususnya ke arah mewujudkan sebuah negara Palestin yang berdaulat dan merdeka. Dalam hal ini, Malaysia menyokong sepenuhnya hasrat Pihak Berkuasa Palestin

untuk menjadi anggota tetap Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). YAB Perdana Menteri telah menyuarakan sokongan Malaysia secara konsisten melalui pelbagai kenyataan rasmi dalam platform-platform antarabangsa seperti mesyuarat-mesyuarat Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan sebagainya. Pendirian ini juga telah saya tegaskan semasa berucap di Perhimpunan Agung PBB pada 27 September 2011.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Baru-baru ini kita telah digemparkan dengan kenyataan sensasi Ketua Pembangkang di dalam *Wall Street Journal* pada 26 Januari 2012, di mana beliau menegaskan "*I support all efforts to protect the security of the state of Israef*" dengan izin. Kenyataan tersebut secara jelas menunjukkan penerimaan dan sokongan beliau terhadap segala tindakan kejam yang dilakukan oleh rejim Israel terhadap rakyat Palestin selama ini.

11. Kenyataan tersebut juga secara terang-terang menunjukkan bahawa beliau merestui perbuatan terkutuk dan tidak berperikemanusiaan Israel ke atas rakyat Palestin. Ia juga memberi gambaran bahawa beliau bersimpati dan mengutamakan keselamatan Israel melalui tindakan-tindakan kejam berikut:

- (i) melancarkan serangan ketenteraan besar-besaran ke atas Gaza yang telah mengorbankan beribu-ribu nyawa rakyat Palestin yang tidak berdosa termasuk wanita dan kanak-kanak;
- (ii) membunuh rakyat Palestin terutamanya pemimpin-

pemimpinnya melalui serangan bom, peluru berpandu, serta pembunuhan terancang atau *assassination* dengan izin seperti yang terjadi di Dubai;

- (iii) menangkap, menculik dan memenjara lebih daripada lima ribu warga Palestin termasuk ahli-ahli Parlimennya dengan sewenang-wenangnya;
- (iv) membina tembok-tembok haram yang merentas kawasan serta merampas tanah dan kediaman rakyat Palestin tanpa mengendahkan kecaman masyarakat antarabangsa; dan
- (v) melaksanakan pelbagai dasar yang menindas dan menganiaya rakyat Palestin.

Tuan Yang di-Pertua,

12. Saya ingin menegaskan bahawa selagi Barisan Nasional berkuasa, kita tidak akan sekali-kali mengizinkan perbuatan terkutuk dan tidak berperikemanusiaan Israel ke atas rakyat Palestin. Kerajaan Malaysia telah dan akan terus mengutuk tindakan ganas Israel ke atas Palestin kerana ia hanya akan menggagalkan proses damai dan pembentukan Negara Palestin yang berdaulat dan merdeka.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU]

TARIKH 14 MAC 2012

SOALAN:

TUAN TENG BOON SOON minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang meluluskan undang-undang supaya sesuatu parti politik yang tidak menunaikan janji, berbohong kepada dan memesongkan pengundi dalam kempen Pilihan Raya, boleh didenda dan dilarang bertanding pada Pilihan Raya yang berikutnya.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum bercadang untuk mewujudkan suatu undang-undang yang akan mendenda dan melarang mana-mana parti politik daripada bertanding dalam Pilihan Raya kerana kesalahan tidak menunaikan janji, berbohong kepada dan memesongkan pengundi dalam kempen Pilihan Raya.

Ini kerana Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5] telah memperuntukkan kesalahan akibat perbuatan rasuah sebelum, semasa dan selepas sesuatu pilihan raya.

Namun, persoalan sama ada mengadakan janji-janji tertentu semasa kempen Pilihan Raya Umum atau Pilihan Raya Kecil itu bersalahan atau sebaliknya dengan Akta 5, merupakan persoalan fakta yang perlu disiasat oleh pihak berkuasa yang berkenaan dan dibuktikan di mahkamah oleh pihak-pihak yang mendakwanya.

Sekian, terima kasih.

n)c? -^O^LAnJ: ^ NΘ:
AUM:~6i~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH

14 MAC 2012

RUJUKAN

4634

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Timbalan Ketua Polis Negara telah pun mengiringi warganegara Saudi Hamza Kashgari dalam pesawat kembali ke Saudi dan sekiranya ada, kenapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Puchong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, dakwaan bahawa Timbalan Ketua Polis Negara mengiringi warganegara Arab Saudi Hamza Kashgari dalam pesawat kembali ke Saudi adalah tidak benar sama sekali.

NO.SOALAN : 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN

TARIKH 14 MAC 2012

SOALAN:

YB Haji Mohd Nor Bin Othman minta **PERDANA MENTERI**

menyatakan sejauh manakah skim Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) memberikan keadilan dan kesaksamaan terutama bagi Penjawat Awam gred 54 dan ke bawah serta merapatkan jurang pendapatan Penjawat Awam.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abd Razak dalam **Majlis Perhimpunan Khas Penjawat Awam Bersama YAB Perdana Menteri** pada 8 Mac 2012 (Khamis), struktur saraan baru Perkhidmatan Awam atau SBPA yang diperkenalkan pada 1 Januari 2012, dibatalkan, Sistem Saraan Malaysia (SSM) ditambahbaik seperti berikut:

- a) pelarasan gaji 7 -13% berdasarkan Jadual Gaji Matriks (JGM)
SSM mengikut peratusan bagi gred-gred tertentu;

- b) struktur gaji JGM di bawah SSM dipinda kepada Jadual Gaji Minimum - Maksimum dengan kadar Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) bagi Gred 1 - 5 4 ditetapkan di antara RM80 hingga RM320 mengikut gred manakala KGT bagi JUSA dan ke atas ditetapkan kekal menggunakan KGT SSM dengan diberi pelarasan mengikut peratusan yang ditetapkan;
- c) kadar Bantuan Sara Hidup atau COLA bagi kawasan B dinaikkan daripada RM200 sebulan kepada RM250 sebulan manakala bagi Kawasan Lain dinaikkan daripada RM100 sebulan kepada RM150 sebulan;
- d) Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK), Bayaran Insentif Wilayah (BIW), Bayaran Insentif Pedalaman (BIP) dan Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP) dikekalkan pelaksanaannya mengikut peraturan sedia ada di bawah SSM; dan
- e) keputusan penambahbaikan laluan kerjaya berasaskan prinsip *time-based* Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dikekalkan seperti yang diumumkan dalam Bajet 2012.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]
TARIKH 14 MAC 2012

SOALAN:

TUAN JEFF OOI CHUAN AUN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menentukan Pilihan Raya Persekutuan dapat dijalankan secara serentak dengan Pilihan Raya di semua negeri, kecuali Sarawak, bagi PRU 13.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMEP NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Undang-undang membenarkan Pilihan Raya Umum (PRU) Parlimen dan PRU Dewan Undangan Negeri (DUN) diadakan secara berasingan.

Bagaimanapun, adalah wajar bagi semua parti politik termasuk pembangkang wajar mengambil kira kepentingan bersama yang mana dengan mengadakan pilihan raya serentak ia dapat mengelakkan pembaziran daripada segi kos, tenaga kerja dan juga masa.

Justeru, adalah lebih baik sekiranya semua parti politik dapat mencapai persetujuan bersama untuk mengadakan PRU DUN serentak dengan PRU Parlimen dalam PRU Ke-13 nanti.

Sekian, terima kasih.

NO.SOALAN: 60

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADAYB MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI

TARIKH

14 MAC 2012

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
SOALAN:

YB Mohsin Fadzli Bin Haji Samsuri minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan terhadap Ketua Jabatan yang tidak membenarkan atau menghalang pegawai bawahannya untuk membentangkan kertas kerja yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa, tiada peruntukan di mana Ketua Jabatan boleh dikenakan tindakan

tatatertib sekiranya tidak membenarkan pegawai bawahannya membentangkan kertas kerja yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Kebenaran untuk membentangkan mana-mana kertas kerja adalah terletak di bawah bidang kuasa dan budi bicara Ketua Jabatan. Oleh itu, setiap penjawat awam bertanggungjawab untuk mematuhi arahan Ketua Jabatan dari semasa ke semasa. Jika melibatkan pembentangan kertas kerja luar negara, ia meliputi kelulusan keluar negara dan melibatkan peruntukan Kewangan Kerajaan yang tinggi bagi membiayai penerbangan, tempat tinggal dan kemudahan-kemudahan lain semasa penjawat awam di luar negara sebagai tugas rasmi.

Sekiranya seorang penjawat awam mengingkari arahan yang diberikan oleh Ketua Jabatannya, ianya boleh dikategorikan sebagai ingkar perintah dan melanggar kepada Peraturan 4.(2)(i) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993 [P.U.(A)395] iaitu:

“4(2) Seseorang pegawai tidak boleh-

(i) ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah”.

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 61

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA
BELAS TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT
MALAYSIA**

LISAN

PERTANYAAN

DARIPADA

**YB TUAN WILLIAM
@ NYALLAU ANAK BADAK (LUBOK
ANTU)**

TARIKH

14 MAC 2012

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

menyatakan kenapa kursus-kursus di pusat-pusat Giat MARA khususnya di Sarawak begitu kurang sambutan daripada belia-belia dan beliawanis dari luar bandar.

Jawapan

Tuan Yang di-Pertua,

MARA mengucapkan ribuan terima kasih di atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat mengenai program latihan kemahiran yang ditawarkan oleh GIATMARA di negeri Sarawak.

Secara keseluruhannya, sambutan yang diterima dari penduduk Sarawak terhadap kursus-kursus yang ditawarkan oleh GIATMARA (PGM) masih lagi mendapat sambutan yang amat menggalakkan bagi pusat-pusat bandar dan luar bandar. Setakat ini terdapat 31 buah PGM yang beroperasi di Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, hampir kesemua pusat-pusat GIATMARA telah mencapai sasaran jumlah pelatih pada setiap tahun. Pada tahun 2011, kesemua PGM luar bandar di negeri Sarawak telah mencatat pencapaian penyertaan pelatih yang menggalakkan. PGM

seperti Baram, Batang Sadong dan Lubok Antu telah mencapai sasaran penyertaan pelatih melebihi 100%.

Walau bagaimanapun, pihak GIATMARA sentiasa mengadakan promosi secara berterusan untuk menggalakkan sambutan belia dan beliawanis untuk menyertai GIATMARA. Di samping itu juga, GIATMARA sentiasa menilai semula kursus-kursus yang ditawarkan dan membuat penambahbaikan di mana perlu untuk memenuhi keperluan semasa.

NO. SOALAN: 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN
[KOTA BELUD]**

TARIKH 14 Mac 2012

SOALAN

Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada pelabuhan Kuala Abai di Kota Belud akan dijadikan sebagai pusat aktiviti minyak dan gas memandangkan

telaga-telaga minyak yang baru dijumpai berdekatan dengan Kota Belud.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, Pengkalan Bekalan Asean (*Asean Supply Base - ASB*) yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan negeri, merupakan pusat aktiviti minyak dan gas bagi kawasan Sabah, ia merupakan kapasiti yang terhad untuk menampung perkembangan aktiviti di masa hadapan. Justeru, dari segi teknikal, terdapat keperluan untuk membina sebuah lagi pengkalan bekalan di Sabah. Namun lokasi bagi pengkalan bekalan ini bergantung kepada keperluan syarikat-syarikat servis minyak dan gas yang beroperasi di kawasan sekitar serta keputusan pelabur-pelabur perniagaan yang berkenaan.

V40 £tfALA^--

~~NO. AUM ... :-~~

68

~~NO. AUF-~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]

TARIKH : 14 MAC 2012

RUJUKAN 4449

SOALAN:

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

(a) sama ada matlamat semangat perjanjian damai dengan Parti Komunis Malaya telah dicapai; dan

(b) jenis-jenis kemudahan dan bantuan yang telah diberikan kepada bekas ahli Parti Komunis Malaya untuk penyerapan semula ke dalam masyarakat dan berapakah kos keseluruhan bagi maksud di atas.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Putatan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), Perjanjian Perletakan Senjata Parti Komunis Malaya atau Perjanjian Haadyai telah dimeterai pada 2 Disember 1989 di antara Kerajaan Malaysia, Kerajaan Thailand dengan Parti Komunis Malaya (PKM). Perjanjian tersebut telah berjaya membawa kepada

perletakan senjata PKM dan tawaran pengampunan kepada mana-mana ahli PKM yang ingin kembali ke Malaysia.

Bagi menjawab soalan (b) pula, ahli PKM yang kembali ke Malaysia selepas tamat tempoh setahun tawaran pengampunan tersebut, mereka telah ditahan dibawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 bagi menjalani sesi pemulihan sebelum diserapkan ke dalam masyarakat. Selain itu, sejumlah RM 8,000 (Ringgit Malaysia lapan ribu) subsidi secara *one-off* dengan izin, dan RM 300 (Ringgit Malaysia tiga ratus) subsidi bulanan selama tiga (3) tahun telahpun diberikan kepada bekas ahli PKM ini yang melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM 6,392,000 (Ringgit Malaysia enam juta tiga ratus sembilan puluh dua ribu).

Tuan Yang di-Pertua,

Kemudahan dan bantuan yang telah diberikan kepada bekas ahli PKM ini adalah merupakan belas ehsan Kerajaan kerana mereka dengan rela hati untuk kembali ke Malaysia bagi memulakan kehidupan baru.

SOALAN NO: 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO SERI TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA DATO' SERI TIONG KING SING
TARIKH [BINTULU] 14 MAC 2012
SOALAN

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan

- a. pernahkah pihak Kementerian mengkaji setakat mana penyediaan bilik istirehat dapat memanfaatkan ahli keluarga pesakit dari kawasan pedalaman yang tidak mampu berulang-alik atas jarak jauh khususnya di Sarawak ; dan
- b. apakah jenis bantuan lain yang diberikan kepada golongan miskin khususnya penduduk kawasan pedalaman dan bagaimanakah pihak berkuasa memantau implikasinya.

Berdasarkan maklumbalas pengguna melalui pihak pengurusan hospital didapati bahawa penyediaan bilik rehat, balai pelawat dan ruang menunggu mendapat sambutan yang baik terutamanya di hospital-hospital bandar yang mana liputan perkhidmatannya adalah luas dan pesakit yang datang dari kawasan yang jauh dari hospital tersebut.

Untuk makluman, Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk memberikan kemudahan terbaik untuk keselesaan pelawat hospital termasuk waris yang menunggu pesakit di hospital-hospital awam seluruh negara. Ini adalah kerana sumbangan mereka di dalam membantu proses pemulihan pesakit adalah amat penting dan perlu diiktiraf.

Sehubungan itu, adalah menjadi amalan Kementerian ini untuk menyediakan kemudahan bagi pelawat seperti ruang menunggu di wad-wad kritikal, dewan bedah, bilik bersalin di samping kemudahan tempat tidur dan ruang rehat bagi ibu-ibu yang menjaga bayi serta kanak-kanak yang mendapat rawatan di wad-wad.

Selain daripada itu, kemudahan balai pelawat juga disediakan di hospital-hospital baru KKM di seluruh Negara bagi memberi keselesaan kepada pelawat serta waris pesakit terutama yang datang dari luar kawasan/daerah dan bercadang untuk menunggu lebih lama di hospital. Kemudahan yang disediakan di balai pelawat ini termasuk ruang tempat tidur, ruang rehat, pantri, bilik solat serta kemudahan tandas, bilik mandi serta tempat membasuh dan menjemur pakaian.

Manakala di hospital-hospital sedia ada, pihak pengurusan beberapa hospital juga telah mengambil inisiatif untuk menyediakan kemudahan balai pelawat ini. Kementerian Kesihatan akan terus berusaha bagi mewujudkan kemudahan seumpamanya di semua

hospital awam di seluruh Negara.

Penyediaan hotel bajet di dalam kawasan hospital pula baru dilaksanakan di dua buah hospital baru KKM, iaitu Hospital Rehabilitasi Cheras yang sedang dalam pembinaan dan Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Kuala Lumpur yang sedang dalam proses rundingan. Hotel Bajet/Medihotel ini akan memberi pilihan kemudahan tempat tinggal dengan kadar bayaran yang berpatutan kepada pelawat/waris pesakit. Kemudahan ini juga boleh digunakan oleh pesakit dari luar kawasan/daerah yang perlu mendapatkan rawatan secara rawatan harian di hospital tanpa perlu dimasukkan ke wad misalnya rawatan harian pesakit kanser, pembedahan kecil dan lain- lain.

Tuan Yang di-Pertua

Bantuan lain yang diberikan kepada golongan miskin, khususnya penduduk kawasan pedalaman selain daripada kemudahan bilik istirahat di hospital Kerajaan adalah seperti berikut:-

1)Kemudahan Rawatan Percuma Bagi Pesakit Yang Tidak Mampu.

Pesakit miskin yang dimasukkan ke wad kelas 3 di hospital Kerajaan hanya dikenakan caj nominal iaitu RM3.00 untuk caj wad, RM1.00 - RM25.00 untuk ujian makmal dan RM10.00 - RM200.00 untuk caj pembedahan. Manakala caj maksimum sebanyak RM500

yang meliputi caj bagi semua jenis rawatan, ubatan dan prosedur yang dijalankan.

Sekiranya pesakit tidak mampu, pesakit boleh memohon pengecualian kesemua atau sebahagian caj berkenaan mengikut Perkara 16 (7) Perintah Fi (Perubatan) 1982. Bagi tahun 2011, pengecualian sebanyak RM6.7 juta telah diberikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kepada pesakit tidak mampu bagi tujuan mendapatkan rawatan di hospital Kerajaan.

2) Pemberian Bantuan Bagi Penghantaran Balik Pesakit Yang Tidak Mampu Setelah Didiscaj Dari Hospital Rujukan.

Kemudahan ini diberikan bagi meringankan beban kewangan pesakit warganegara Malaysia dari golongan yang tidak mampu dan benar-benar memerlukan sahaja, iaitu yang pada awalnya dimasukkan ke klinik kesihatan dan dirujuk ke hospital, atau pesakit dari hospital tanpa pakar yang berdekatan dengan tempat tinggal mereka tetapi kemudiannya perlu dirujuk ke hospital negeri (hospital berpakar) atau pun ke hospital yang menjadi Pusat Rujukan Nasional (*National Referral Center*) untuk rawatan lanjut.

Selepas pesakit tersebut didiscaj, pesakit boleh dibayar keseluruhan atau sebahagian kos pembelian tiket pengangkutan awam bagi perjalanan dari hospital yang dirujuk ke hospital asal/rumah berdasarkan jenis pengangkutan awam yang termurah dan jalan terdekat yang munasabah. Kos yang ditanggung adalah pembelian tiket pesakit dan seorang pengiring sekiranya perlu. Kemudahan bantuan ini adalah mengikut Surat Pekeliling Kewangan Kementerian Kesihatan

Malaysia Bilangan 2/2009.

Dalam memberi kemudahan tersebut, KKM sentiasa memantau pelaksanaannya bagi memastikan kemudahan tersebut membawa implikasi positif kepada rakyat miskin. Pemantauan ini bertujuan untuk memastikan hanya pesakit miskin dan layak sahaja yang boleh mendapat bantuan berkenaan. Antara mekanisme yang digunakan dalam mengesahkan kemampuan pesakit ialah melalui kajian sosio ekonomi pesakit oleh Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital, sesi temuduga oleh mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh Pengarah Hospital terhadap pesakit yang memohon pengecualian caj atau merujuk kepada surat-surat sokongan wakil rakyat dan surat-surat dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi mengesahkan bahawa pesakit benar-benar layak untuk mendapat bantuan berkenaan.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI DOLAH
[IGAN]

TARIKH 14 MAC 2012 (RABU)

SOALAN NO.65

Datuk Haji Abdul Wahab Bin Haji Dolah [Igan - BN] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan apakah langkah-langkah untuk menggalakkan wujudnya semangat demokrasi berparlimen di kalangan belia bagi semua kaum dan berapakah jumlah NGO yang telah pun berdaftar sejak Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 diluluskan.

SULIT

JAWAPAN

1. Bagi menggalakkan semangat demokrasi berparlimen di kalangan belia, Kementerian Belia dan Sukan akan mewujudkan Parlimen Belia Malaysia di mana ia merupakan platform pembelajaran sistem demokrasi dan menyuarakan pandangan oleh para belia. Penubuhan Parlimen Belia Malaysia ini dapat memberi peluang dan ruang para belia untuk memberi pendapat dan menonjolkan bakat kepimpinan di kalangan belia pelbagai kaum mengikut kawasan Parlimen masing-masing.
2. Berkenaan dengan statistik pendaftaran pertubuhan belia sejak mula dikuatkuasakan, jumlah persatuan belia yang telah didaftarkan di bawah Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) sehingga 5 Mac 2012 ialah sebanyak 7,870 buah persatuan.

Soalan No : 66

DARIPADA

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)

TARIKH

14.03.2012

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

SOALAN:

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta Menteri Pelajaran menyatakan nama SJKC baru ataupun pemindahan SJKC yang dijanjikan oleh Kementerian Pelajaran sejak tahun 2007 yang masih belum dibina sehingga hari ini. Sila nyatakan sebab kelewatan dari segi pembinaan dalam setiap kes.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada 7 buah SJKC baru termasuk 6 buah SJKC baru yang telah dijanjikan semasa pilihanraya pada tahun 2008, sebanyak 5 buah SJKC baru telah diselesaikan semua isu berkaitan dan sedang dalam pelbagai peringkat proses pembinaan. Manakala bagi 2 buah SJKC baru iaitu SJKC Bukit Serdang, Selangor dan SJKC Danga Bay, Johor Bahru isu berkaitan tanah telah dimuktamadkan dan butiran lanjut akan dimaklumkan kemudian. Berhubung dengan pembinaan SJKC Tun Tan Siew Sin yang merupakan salah satu daripada 7 buah SJKC yang dinyatakan di atas, pembinaan sekolah ini telah hampir 80% siap dan dijangka akan mula beroperasi pada pertengahan tahun 2012. Bagi 13 buah sekolah yang diberi kelulusan berpindah, kesemuanya telah berjaya diselesaikan termasuklah perpindahan SJKC yang terakhir iaitu SJKC Choon Hwa, Batu 18, Selangor ke Lembah Maju Ampang, Selangor.

Rjm

NO SOALAN :

DARIPADA **Y.B. TUAN CHONG CHIEN JEN (BANDAR KUCHING)**
LISAN

PERTANYAAN 14.03.2012

TARIKH

Y.B. TUAN CHONG CHIEN JEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah hutang Kerajaan Persekutuan setakat 29.2.2012. Berapakah hutang pihak ketiga di mana Kerajaan Persekutuan adalah penjamin (guarantor) atas hutang tersebut. Siapakah nama pihak ketiga itu dan berapakah hutang masing-masing yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan hutang Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2011 ialah RM456.13 bilion atau 53.5% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Sebahagian besarnya iaitu RM448.43 bilion atau 98.3% adalah hutang dalam negeri manakala baki RM7.70 bilion atau 1.7% merupakan hutang luar negara. Jumlah hutang luar negeri yang kecil adalah selaras dengan dasar semasa Kerajaan yang mengutamakan pinjaman dalam negeri bagi membiayai projek pembangunan negara kerana kos yang lebih murah dan untuk mengurangkan pendedahan kepada risiko pertukaran matawang asing.

2. Kerajaan dari masa ke semasa memberikan jaminan kepada badan berkanun dan syarikat Kerajaan untuk meminjam bagi membiayai projek-projek pembangunan untuk kepentingan rakyat. Jaminan ini diberikan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

3. Sehingga 31 Disember 2011, jumlah *contingent liability* Kerajaan Persekutuan iaitu baki pinjaman yang dijamin Kerajaan adalah sebanyak RM116.76 bilion terdiri daripada pinjaman domestik RM109.14 bilion (93.5%) dan pinjaman luar RM7.62 bilion (6.5%). Jaminan berkenaan melibatkan 2 badan berkanun dan 26 syarikat berkaitan Kerajaan. RM92.77 bilion. Dari jumlah itu, sebanyak RM85.06 bilion atau 92% merupakan pinjaman dalam negeri dan RM7.71 bilion atau 8% pinjaman luar negeri.

4. Pinjaman berkenaan digunakan untuk membiayai projek strategik negara yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi negara, mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat termasuk projek pembangunan modal insan, bekalan air dan elektrik serta pengangkutan awam.

NO SOALAN 17&

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG
(BATU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.03.2012

Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan

a) Sama ada Bursa Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti menyiasat

sama ada penyelewengan yang berlaku dalam Harvest Court Industries Bhd

b) Menyiasat Tan Sri Zarinah dan suaminya dalam pembelian saham E&O.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Yang Berhormat, Bursa Malaysia telah mengesan aktiviti perdagangan aktif syer dan waran Harvest Court Industries Berhad (Harvest Court). Harga syer Harvest Court telah meningkat daripada 8 sen pada 11 Oktober 2011 kepada RM2.13 pada 14 November 2011 atau peningkatan sebanyak RM2.05. Sehubungan itu, Bursa Malaysia telah mengenakan penentuan (*designation*) ke atas syer dan waran Harvest Court berkuat kuasa pada 16 November 2011. Tindakan ini diambil bagi menangani aktiviti spekulasi yang berlebihan dalam pasaran bagi memastikan pasaran yang adil dan teratur.

Apabila suatu sekuriti itu ditentukan (*designated*), syarat-syarat berikut adalah terpakai:

- i. Pembeli dikehendaki membeli syer dan waran syarikat berkenaan secara bayaran tunai terlebih dahulu (*upfront cash payment*);
- ii. Penjual pula dikehendaki mempunyai syer sebelum jualan dilaksanakan (*delivery before sale*)-, dan iii. Pembeli tidak boleh membuat pembelian melalui pembiayaan margin atau kredit.

Bursa Malaysia juga memantau pendedahan dan pengumuman korporat yang dibuat oleh Harvest Court bagi memastikan pendedahan mengenai

perkembangan korporat adalah mencukupi.

Lanjutan daripada itu, Bursa Malaysia telah merujuk aktiviti dagangan kaunter Harvest Court kepada Suruhanjaya Sekuriti (SC). SC bersama-sama Bursa sedang meneliti aktiviti dagangan saham Harvest Court bagi menentukan sebarang pelanggaran undang-undang sekuriti atau Kaedah Bursa (*Bursa Rules*) oleh Harvest Court.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan ke atas pembelian saham E&O masih dijalankan oleh pihak berkuasa dan butiran lanjut mengenai hasil siasatan tidak boleh didedahkan buat masa kini.

Soalan No : 69

DARIPADA

Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM

(BAYAN BARU)

TARIKH

14.03.2012

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM [BAYAN BARU] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan mewajibkan pembelajaran bahasa ibunda termasuk tulisan Jawi di sekolah-sekolah kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) secara berterusan berusaha memperkasakan tulisan jawi melalui kurikulum Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah. Program-QAF yang dilaksanakan di sekolah kebangsaan bermula pada tahun 2005 telah berjaya mengatasi masalah keciciran jawi di sekolah kebangsaan melalui pelaksanaan kelas Pemulihan Jawi. Program j-QAF telah berjaya menghasilkan sebanyak 92.12 peratus murid

sekolah kebangsaan menguasai bacaan dan tulisan jawi sehingga akhir tahun 2010.

KPM juga sentiasa berusaha memperkasakan penggunaan tulisan jawi melalui buku teks Pendidikan Islam yang menggunakan tulisan jawi sepenuhnya. Tulisan jawi juga turut diuji dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melalui mata pelajaran Pendidikan Islam.

Rjm 15

NO. SOALAN:

70 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

: LISAN

DARIPADA :TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 14 MAC 2011

SOALAN

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Program Transformasi Ekonomi (ETP) berjaya sebagai inisiatif yang dipacu oleh sektor swasta, mengapakah pemilik-pemilik inisiatif utama pelbagai Entry Point Programs (EPP) adalah agensi-agensi Kerajaan dan sama ada mereka akan “memilih pemenang” dari sektor swasta untuk semua Entry Point Programs (EPP) ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sepanjang pelaksanaan ETP, peranan PEMANDU adalah untuk

memantau dan menjejak kemajuan dan jika perlu, memberikan nasihat ataupun '*template*' bagi menyelesaikan masalah di mana ia timbul. PEMANDU juga berfungsi untuk memudahkan interaksi dan komunikasi di antara semua pihak berkepentingan yang berkaitan, mengenai pasti halangan dan memastikan penyampaian yang lancar. Projek-projek di bawah bidang kuasa ETP dipilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan di dalam makmal, iaitu impak GNI, kebolehlaksanaan projek dan prospek untuk menjana peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi.

ETP direka bentuk supaya sektor swasta akan meneraju program tersebut dan ini digambarkan melalui penyertaan yang meluas daripada peserta sektor swasta di dalam makmal ETP di mana lebih 500 minda terbaik dalam sektor awam dan swasta mengambil bahagian sepanjang 8 minggu. Ahli-ahli makmal tersebut bertanggungjawab untuk membangunkan rancangan pelaksanaan terperinci dengan menyatakan produk akhir, sasaran, jangka masa dan akauntabiliti dicatatkan. Tambahan pula, pemimpin-pemimpin kanan dan pembuat keputusan, termasuk Menteri Utama yang relevan juga telah mengambil bahagian dalam proses pembangunan penyelesaian melalui lawatan berjadual dan tidak berjadual.

Sepanjang proses ini, beberapa EPP yang telah dicadangkan dapat diterajui oleh sektor swasta oleh kerana pelabur bagi projek tersebut dapat dikenal pasti dan projek mereka berjaya dalam memenuhi syarat-syarat untuk layak sebagai EPP. Di sebalik itu, ada beberapa EPP yang direka untuk manfaat seluruh sektor industri tersebut. Bagi situasi EPP tersebut, kemungkinan besar ia akan berada di luar kawalan atau bidang kuasa sektor swasta dan dengan itu, ia akan jatuh di bawah tanggungjawab sektor swasta untuk menerajui inisiatif tersebut. Satu contoh tersebut adalah seperti EPP 1 bagi NKEA Pelancongan untuk "Menjadikan Malaysia

sebagai Destinasi *Duty-Free Shopping* bagi Pelancong”.

Secara asasnya, semua EPP perlu memenuhi dua syarat, iaitu memberikan impak kepada GNI yang ketara dalam jangka masa 2010 hingga 2020 dan telah melalui beberapa pusingan proses cabaran dan pengesahan yang rapi dengan pihak berkepentingan. Jika EPP memenuhi kriteria ini, maka pada dasarnya terbuka kepada mana-mana pelabur sektor swasta yang berkeelayakan dan mempunyai keupayaan, kesediaan, kredibiliti dan kelebihan daya saing untuk melabur dalam dan melaksanakan projek itu.

NO SOALAN :

PEMBERITAHU
AN
DARIPADA : **Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH**
DEWAN
(JASIN)
PERTANYAAN : **LISAN RAKYAT,**
MALAYSIA
TARIKH : 14.03.2012

Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pendirian dan langkah Kementerian dan BNM ke arah menangani isu permintaan tenaga kerja yang melebihi penawaran dalam industri perbankan Islam agar industri tersebut mampu berkembang dengan lebih sihat dan mapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah mengenalpasti pembangunan modal insan yang menyeluruh sebagai salah satu pra-syarat utama bagi menyokong pertumbuhan industri kewangan Islam di Malaysia. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan bukan sahaja bagi memenuhi keperluan modal insan tempatan, bahkan juga bertujuan untuk menempatkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan untuk pendidikan, latihan, perundingan dan penyelidikan bagi industri kewangan Islam. Antara infrastruktur pembangunan modal insan yang telah dibangunkan untuk kemahiran profesional, teknikal dan kepimpinan dalam bidang kewangan Islam adalah seperti yang berikut:

- (i) Pusat Pendidikan Antarabangsa dalam Kewangan Islam

(INCEIF) menawarkan program Profesional Kewangan Islam yang Bertauliah (CIFP) dan program-program pasca siswazah bagi membangunkan kumpulan profesional yang kompeten dalam perbankan dan kewangan Islam. Sehingga kini, hampir 2,000 orang pelajar dari lebih 70 buah negara telah mendaftarkan diri sebagai pelajar INCEIF. Pada tahun 2011 sahaja, INCEIF telah menghasilkan 159 orang graduan CIFP, 14 orang graduan Ijazah Sarjana dan 3 orang

graduan kedoktoran falsafah dalam kewangan Islam;

Institusi-institusi pengajian tinggi tempatan juga menawarkan kursus-kursus pengajian yang secara langsung atau tidak langsung menyumbang kepada peningkatan jumlah graduan berkelayakan yang berkhidmat dalam pelbagai lapangan kerja di institusi-institusi kewangan Islam. Selain daripada program-program pengajian khusus dalam bidang Syariah dan fiqh muamalat, terdapat institusi-institusi pengajian tinggi yang menawarkan kursus-kursus sampingan berkaitan kewangan Islam bagi memenuhi keperluan penuntut-penuntut dalam bidang-bidang pengajian lain seperti perundangan, perakaunan dan perbankan yang ingin meneruskan kerjaya dalam bidang kewangan Islam;

Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM) dan Pusat Pembangunan Industri Sekuriti (SIDC) menyediakan pelbagai program latihan teknikal bagi pengamal-pengamal industri dalam bidang perbankan Islam, takaful dan pasaran modal Islam. Pada tahun 2011, IBFIM telah bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia dan institusi-institusi kewangan Islam untuk membangunkan "*Islamic Finance Qualifications Framework and Progression Route (IFQFPR)*", iaitu suatu pakej perancangan sistematik yang distruktur khas bagi memenuhi keperluan program latihan golongan profesional dalam bidang kewangan Islam;

- (iv) Pusat Antarabangsa untuk Kepimpinan dalam Kewangan (ICLIF) menawarkan kursus-kursus latihan yang bertujuan mempertingkatkan tahap kepimpinan dalam industri kewangan, termasuk di kalangan pihak pengurusan kanan institusi-institusi kewangan Islam. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh ICLIF termasuk forum, seminar, latihan dan pendidikan dengan usaha sama pelbagai institusi pengajian tinggi tempatan dan luar

negara; dan

- (v) pelbagai platform juga telah disediakan bagi menggalakkan perbincangan intelektual di kalangan para pengamal industri kewangan Islam dan mempertingkatkan kefahaman mereka dalam menangani isu-isu kontemporari yang melibatkan industri kewangan Islam. Sebagai contoh, Malaysia telah mempelopori forum-forum kewangan Islam di peringkat antarabangsa seperti Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara, Forum Kewangan Islam Global dan Forum Pakar-pakar Syariah Antarabangsa yang kerap dianjurkan dan berjaya menarik minat pengamal industri tempatan mahupun antarabangsa. Di peringkat kebangsaan pula, pelbagai siri latihan, konvensyen dan forum-forum perbincangan telah dianjurkan dari tahun ke tahun berdasarkan keperluan semasa para hakim dan peguam tempatan bagi mendapatkan latihan di dalam bidang kewangan Islam.

2. Komitmen Kerajaan juga telah diterjemahkan melalui kluster pendidikan Perbankan dan Kewangan Islam yang telah dikenal pasti sebagai salah satu projek permulaan (EPP) di bawah kerangka Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pendidikan. Usaha-usaha sedang dijalankan untuk menyeragamkan standard kurikulum untuk pendidikan Kewangan dan Perniagaan Islam dan membangunkan satu pensijilan akreditasi profesional yang bakal diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui usaha sama pelbagai institusi pengajian tinggi tempatan dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan. Kesemua langkah-langkah yang telah dan sedang dijalankan ini adalah seiring dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan kewangan Islam di peringkat antarabangsa. Oleh itu, negara mempunyai penawaran tenaga kerja mahir yang mencukupi dalam industri perbankan Islam seiring dengan permintaan.

